

**Jilid I
Bil. 14**



**Hari Jumaat
29hb Oktober, 1982**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1599]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 [Ruangan 1631]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1983 [Ruangan 1631]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI
DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam
Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S. D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J.,
K.M.N. (Seremban).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T.,
P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO'
S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Sipt).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K., (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM D.P.M.P. J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.I. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSMERY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR. TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan (PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh)
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Tuan Law Hieng Ding, p.b.s. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Perlimen Kementerian Perusahaan Awam, Tuan Hussein bin Mahmud (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Tuan Zainal Abidin bin Zin (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN TADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMA BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATO' HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD, FUAD STEPHENS (Murudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN TUN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun)
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

- Yang Berhormat DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DASUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.N. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).

- Yang Berhormat TUAN AHMAD SHAH BIN DATO' HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.N., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).

Yang Berhormat WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
,, TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
,, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
,, TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
,, DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 29hb Oktober, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

LADA HITAM, KOKO DAN
GETAH—SUBSIDI

1. Tuan Richard Dampeng anak Laki minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai cadangan-cadangan yang sesungguhnya untuk memberi subsidi atau mengambil lain-lain langkah untuk mengatasi kesusahan yang dialami oleh petani-petani di negeri Sarawak memandangkan kemerosotan harga-harga bagi lada hitam, koko dan getah.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Yang Berhormat sedia maklum Kementerian mempunyai rancangan jangka panjang di dalam membantu pekebun-pekebun kecil ataupun petani bagi memperbaiki taraf kehidupan mereka. Bagi meringankan beban kos input pengeluaran Kementerian sudah pun mempunyai program-program seperti program rancangan bantuan lada hitam dan rancangan mempelbagaikan tanaman. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat sebanyak \$27 juta telah disediakan untuk Program Rancangan Bantuan Lada Hitam dan bagi Rancangan Mempelbagaikan Tanaman pula sebanyak \$20 juta telah disediakan di Sarawak. Bagi jangka masa pendek seperti kemerosotan harga bagi lada hitam dan koko yang berlaku sekarang ini Kementerian tidaklah dapat mengatasi

masalah tersebut. Ini memandangkan harga komoditi-komoditi ini adalah dipengaruhi oleh harga pasaran antarabangsa. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan cuba membantu petani-petani ini melalui beberapa cara yang tertentu dan bukanlah melalui pemberian subsidi kepada petani-petani tersebut. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kemerosotan harga-harga ialah seperti:

- (i) Kementerian mencuba meluaskan ruang pasaran bagi hasil-hasil pertanian ini. FAMA adalah agensi yang telah memainkan peranan utama di dalam meluaskan ruang pasaran.
- (ii) Kementerian melalui FAMA akan membeli hasil-hasil koko daripada petani-petani untuk dipasarkan dengan harga yang tertentu. Bagi lada hitam pula Lembaga Pemasaran Lada Hitam menjalankan aktiviti yang sama bagi menolong petani-petani ini.
- (iii) Memandangkan mutu keluaran koko petani-petani adalah rendah jika berbanding dengan mutu koko yang dikeluarkan oleh pihak swasta, Kementerian telah mengambil langkah-langkah bagi mengadakan pusat mengggred koko untuk hasil-hasil koko mereka, supaya mutu koko setanding dengan hasil-hasil yang dikeluarkan oleh pihak swasta, dengan ini akan menolong pekebun-pekebun kecil ini mendapat harga yang lebih baik di pasaran. Begitu juga bagi hasil lada hitam yang dikeluarkan.

(iv) Di samping langkah-langkah yang diambil di atas, Kerajaan juga menggalak petani-petani menanam lain-lain tanaman jangka pendek dan memelihara ternakan dan juga bahan makanan supaya tidak bergantung sepenuhnya kepada hasil lada hitam dan koko sebagai punca pendapatan.

BAYI BARU LAHIR—PERTUKARAN

2. **Tuan Karpal Singh** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan peristiwa di negara ini melibatkan pertukaran bayi baru lahir di Hospital-hospital Bersalin. Sila juga nyatakan tindakan yang diambil terhadap peristiwa seumpama ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, terdapat 4 kejadian yang boleh dikatakan sebagai kekeliruan bayi (baby mix-up) iaitu di Hospital Besar, Seremban, Hospital Besar, Kuala Lumpur dan 2 kejadian di Hospital Besar, Kelang. Hasil daripada penyiasatan yang teliti menunjukkan bahawa kejadian-kejadian itu bukanlah merupakan kekeliruan bayi sebenarnya tetapi adalah akibat kesilapan dalam mencatat rekod-rekod.

Saya suka memaklumkan bahawa Kementerian telah mengambil tindakan yang perlu bagi mengelakkan dari berlakunya kejadian-kejadian seumpama ini, iaitu:

1. Mewujudkan keseragaman mengenai peraturan-peraturan pengenalan bayi-bayi yang baru lahir.
2. Mengemaskinikan sistem rekod.
3. Mempastikan pemeriksaan lebih teliti semasa membawa bayi keluar dari bilik bersalin ke wad-wad lain.
4. Mempastikan penyeliaan rapi oleh pakar perbidanan dan sakitpuan dan Ketua Jururawat ke atas kategori-kategori kakitangan lain di bilik bersalin.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimanakah pertukaran bayi itu dapat dikesan, sama ada ia masih lagi berada di dalam hospital telah

dapat dikesan oleh kerana kecekapan para kakitangan hospital ataupun setelah bayi berkenaan dibawa balik ke rumah oleh ibu bapa mereka? Adakah peristiwa pertukaran bayi itu pernah juga berlaku di klinik bersalin swasta? Jika ada, apakah tindakan yang telah diambil?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, di klinik-klinik swasta kita tidak mempunyai maklumat. Jika berlaku pun nampaknya mereka dapat menyelesaikannya melalui perundingan atau perjanjian yang lain tetapi kemungkinan kesilapan seperti itu di hospital-hospital swasta atau klinik-klinik swasta adalah kurang oleh sebab kurangnya jumlah bayi yang dilahirkan pada setiap hari.

Di hospital-hospital Kerajaan kita telah dapat mengesan bahawa sesudah berlakunya kesilapan dalam pengenalan (identification) bayi-bayi itu melalui beberapa saluran.

Dalam empat kejadian yang saya sebutkan itu semuanya dikesan di hospital dan bukan apabila bayi itu dibawa balik ke rumah-rumah mereka. Di dalam 3 kes itu kita telah dapat menyelesaikan perkara itu dengan satu tinjauan dan kajian yang rapi dalam perkara ini dan pihak ibu bapa berkenaan telah dapat menerima bahawa apa yang terjadi sebenarnya adalah kesilapan mencatat rekod-rekod, dan bukan kesilapan atau kekeliruan bayi. Lagi satu kes itu adalah dalam urusan mahkamah dan saya tidak mahu sebut tentang perkara itu. Biasanya perkara kekeliruan ini ditimbulkan oleh ibu bapa atau saudara-mara dan kakitangan hospital dapat menjalankan penyiasatan untuk menyelesaikan perkara ini. Jika kita sendiri dapat mengesan bahawa sudah salah catat dan sebagainya kita memang terus buat pembetulan secara rasmi.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jaminan bahawa dengan berlakunya beberapa insiden dalam kes semacam ini bahawa Kementerian Kesihatan boleh menjamin tidak akan berlaku perkara semacam ini dengan perubahan-perubahan pentadbiran dan lain-lain supaya tidak berlaku timbul masalah barulah mahu

diperbetulkan supaya perkara ini langsung tidak boleh berlaku lagi, satu sistem fool-proof bahawa tidak akan berlaku lagi masalah semacam ini.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya berdukacita tidak dapatlah sebagai seorang manusia mengadakan sistem ini fool-proof dalam perkara-perkara ini, melainkan mengatakan bahawa kita akan dan kita sedang berusaha seboleh-bolehnya untuk mengelakkan kejadian seperti ini.

Jika kita mengambil sebagai satu contoh apakah masalah dalam perkara ini, saya diberitahu bahawa pada tahun 1981 kita dapat keadaan di mana sebanyak 442 bayi dilahirkan di sistem hospital-hospital Kerajaan sebagai pukul rata pada setiap hari dan kakitangan yang terlibat dalam menyelenggarakan kelahiran ini adalah beberapa ratus dan kawalan, semakan dan mengemaskinikan sistem dan lain-lain memang akan dapat memberi jaminan kepada kita bahawa sistem itu adalah licin dan sistem itu tidak ada kebocoran (leakage). Tetapi kesilapan manusia adalah satu yang kita tidak boleh memberi jaminan di dalam Dewan ini walaupun saya lebih suka jika kita dapat memberi jaminan seperti itu. Tetapi biarlah saya, Tuan Yang di-Pertua, memberi sedikit keterangan kepada Ahli Yang Berhormat dan kepada Dewan ini mengenai apakah yang kita sedang buat untuk menentukan bahawa kejadian-kejadian yang sedih seperti ini seboleh-bolehnya tidak berlaku di hospital-hospital kita. Pada masa ini cara-cara yang digunakan untuk memberi tanda pengenalan kepada bayi-bayi yang baru dilahirkan di unit-unit bersalin di semua hospital kita di seluruh negara terdapat berlainan antara satu sama lain. Cara-cara untuk mengenal identify bayi-bayi itu dan sistem yang dicadangkan oleh kita pada masa ini selepas kejadian ini berlaku, melibatkan penggunaan 'disg tag' yang dibuat dari plastik dengan nombor-nombor siri untuk pengenalan bayi-bayi itu. Amalan penggunaan tag nama plastik pada masa ini yang mengandungi butir-butir yang banyak, seperti nama ibu, jantina, nombor dan lain-lain yang berkehendakkan tulisan pada masa kelahiran itu, bukan sahaja di dalam nama tag itu tetapi juga dalam rekod-rekod dan dalam keadaan kesesakan di unit-unit bersalin

kemungkinan untuk kesilapan berlaku adalah besar. Jadi sistem tag nama ini kita tidak mahu gunakan lagi dan kita sedang cuba menggunakan satu lagi sistem disc tag yang hanya menggunakan nombor siri untuk mengenal bayi-bayi. Sistem yang kami cadangkan ini kami merasa adalah lebih mudah kerana ia hanya melibatkan penanggalan disc yang bernombor dari ibunya untuk diikatkan di pergelangan tangan bayi. Jadi, dengan izin, one-to-one identification adalah lebih senang dan kerja-kerja perkeranian untuk mencatat nombor-nombor dan lain-lain adalah dielakkan.

Pada masa ini cara baru ini sedang diuji oleh kami di Kementerian di 3 buah negeri iaitu Pulau Pinang, Kelantan dan Selangor dan maklumbalas yang kita perolehi setakat ini di atas pengalaman di negeri Selangor setakat ini adalah sungguh menggalakkan dan kami mempunyai keyakinan bahawa sistem yang kita sedang cuba ini akan dapat mengurangkan, jika tidak boleh mengelakkan sama sekali, kesilapan yang berlaku itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wan Mohd. Najib bin Mohamed.

(Soalan No. 3 Y. B. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed tidak hadir).

MISSI GALAKAN PELABURAN MALAYSIA

4. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyak misi galakan pelaburan yang telah dihantar keluar negeri bagi tempoh 1-1-1982 hingga 30-9-82 dengan menyatakan butir lanjut mengenai negara yang dilawati; dan dalam apa cara misi-misi telah berjaya menarik pelaburan asing ke negara Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, rombongan-rombongan galakan pelaburan adalah sebahagian daripada usaha galakan pelaburan yang bertujuan untuk mengeratkan lagi kenalan dengan pengusaha-pengusaha asing. Ini adalah untuk menyedarkan lagi mereka

terhadap peluang-peluang pelaburan yang wujud di Malaysia serta memperkenalkan negara ini sebagai satu-satunya tempat yang 'viable' untuk projek-projek perkilangan mereka.

Rombongan-rombongan seperti ini juga memberi peluang yang baik bagi peserta-peserta sektor swasta Malaysia membuat hubungan terus dengan bakal rakan-rakan usahasama mereka serta mengadakan perbincangan yang terperinci berhubung dengan projek-projek yang diminati.

Dari 1-1-1982 hingga 30-9-1982, tiga buah Rombongan Galakan Pelaburan Malaysia telah diatur. Butir-butirnya adalah seperti berikut:

1. Ke Eropah (Oslo, Vienna dan Milan) 27hb Februari-11hb Mac, 1982
2. Ke Australia (Sydney dan Melbourne) 2hb Julai-13hb Julai, 1982
3. Ke Amerika Syarikat dan Kanada (Los Angeles, Chicago, New York dan Toronto) 18hb September-6hb Oktober, 1982

Rombongan Galakan Pelaburan ke Eropah

Sejumlah 319 peserta mewakili sebanyak 252 syarikat telah didedahkan kepada dasar-dasar dan prospek-prospek pelaburan di Malaysia serta kemungkinan-kemungkinan mengadakan usahasama-usahasama dengan pengusaha Malaysia, di ketiga-tiga buah bandaraya yang dilawati itu.

Sejumlah 272 perjumpaan telah diatur bagi peserta-peserta Malaysia dan Eropah berhubung dengan kemungkinan mengadakan usahasama. Syarikat-syarikat asing itu telah menunjukkan minat terhadap sektor-sektor industri berikut:

- High quality hardware
- Offshore Maintenance Service
- Fishing rods (100% export)
- Seat covers (80% export)
- Fire resistant cables and ship cables
- Prefabricated housing (concrete/polystyrene panels)
- Cocoa butter for export

Precision machined hardware items for export

Aluminium die cast precision products for industry (80% export)

Precision balances, scientific and electronic weighing machines (Export)

Rubber gloves, swimming caps, rubber socks (export)

Polypropylene Woven bags (export)

Technical rubber hoses (export)

Electronic 'headers'—Components for transistors (export)

Semenjak seminar-seminar itu diadakan beberapa lawatan balas telah dilakukan oleh rombongan-rombongan/individu-individu dari Norway, Austria dan Itali ke Malaysia sebagai susulan kepada lawatan rombongan dari rombongan itu.

2. Rombongan Galakan Pelaburan ke Australia

Rombongan ini telah dibiayai oleh Kerajaan Australia melalui Program Kerjasama Ekonomi ASEAN (AAECP).

Seramai 217 orang peserta mewakili 199 buah syarikat telah menghadiri seminar-seminar yang diadakan. Mereka telah diberitahu tentang dasar-dasar dan prospek-prospek pelaburan di Malaysia serta peluang-peluang usahasama dengan pengusaha-pengusaha Malaysia.

Peserta-peserta dari Malaysia telah mengadakan sejumlah 88 perjumpaan dengan para peserta Australia mengenai kemungkinan mengadakan usahasama. Berikutan daripada perjumpaan-perjumpaan itu, syarikat-syarikat Australia kini sedang mengkaji kemungkinan untuk mendirikan projek-projek berikut:

- Kasut kulit (eksport)
- Pen mata bola, pensel dan dakwat (eksport)
- 'Scaffoldings' dan 'Shelves'
- Lead Processing (export)
- Farm trailers
- Rubber moulded products

Machinery for sheet metal working and food processing

Underground cable accessories

Prefabricated houses/modular housing

Terdapat juga beberapa orang pengusaha Australia yang menyuarakan hasrat mereka akan melawat Malaysia untuk tujuan kajian lanjutan.

3. *Rombongan Galakan Pelaburan ke Amerika Syarikat dan Kanada*

Rombongan Galakan Pelaburan ke Amerika Syarikat dan Kanada yang dianjurkan oleh MIDA mengambil bahagian dalam Seminar Pelaburan Malaysia di tiga buah bandar di Amerika Syarikat, iaitu di Los Angeles, Chicago dan New York, dan sebuah bandar di Kanada, iaitu di Toronto. Sebahagian daripada aturcara Rombongan tersebut termasuk beberapa perjumpaan meja bulat (round table) yang dianjurkan oleh bank-bank, dewan perniagaan dan pihak media, dengan ahli-ahli perusahaan, ahli badan kewangan serta wartawan ekonomi dan perdagangan.

Seramai 283 orang peserta telah menghadiri seminar-seminar yang diadakan. Mereka telah diberitahu tentang dasar-dasar dan prospek-prospek pelaburan di Malaysia serta kemungkinan-kemungkinan mengadakan usahasama-usahasama dengan pengusaha Malaysia.

Dalam semua seminar (seperti pada masa lalu), perjumpaan-perjumpaan persendirian di antara pihak swasta Malaysia dan pegawai-pegawai Kerajaan dan peserta-peserta Amerika dan Kanada telah diatur. Bilangan perjumpaan persendirian boleh dikatakan menggambarkan minat positif di kalangan golongan yang terlibat dalam perdagangan di Malaysia dan golongan yang ingin mencari rakan usahasama untuk operasi perkilangan. Sejumlah 243 perjumpaan telah diatur bagi peserta-peserta Malaysia dan Amerika dan Kanada berhubung dengan kemungkinan mengadakan usahasama.

Projek-projek yang diminati oleh syarikat-syarikat Amerika dan Kanada ialah seperti berikut:

- milk products and pet food
- coco butter equivalent from palm oil
- fatty alcohols from palm oil
- food and soft drinks
- cheese, pasta, food cereals, bakery products, frozen foods and processed meat
- wood products for fencing and agricultural use
- wood mouldings
- rubber hose, rubber finger coats, rubber gloves, rubber compounds
- Toys
- building materials and equipment
- telephone cables and communications equipment
- industrial cylinders
- mining equipment
- coin counting machines
- home cleaning products
- industrial electronic weighing systems and traffic counters
- plastic/metal medical products
- auto components
- electrical household items
- liquid fillers machinery

Tuan Yang di-Pertua pada keseluruhannya, adalah terlalu awal untuk menentukan ataupun menilai jumlah projek yang akan dilaksanakan berikutan dengan lawatan rombongan-rombongan ini. Tetapi memandangkan kepada jumlah perjumpaan yang telah diadakan di antara peserta Malaysia dan rakan-rakan asing mereka, adalah dipercayai bahawa kita telah berjaya menimbulkan minat terhadap peluang-peluang pelaburan di Malaysia. Walau bagaimanapun kejayaan rombongan-rombongan tersebut bergantung kepada tindakan susulan yang akan diambil oleh pihak sektor swasta Malaysia dan hasil kajian

suaimungkin yang dijalankan oleh syarikat-syarikat yang akan melawat Malaysia. MIDA juga akan membuat susulan dan memberi sokongan sepenuhnya kepada usaha-usaha sektor swasta.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa dalam tahun 1982 ini misi galakan pelaburan ke luar negeri dihantar ke negara-negara sebelah barat sahaja tidak termasuk negara-negara di sebelah timur. Jadi oleh kerana memandang dasar pandang ke timur Kerajaan kita pada hari ini, adakah pihak beliau bercadang di masa akan datang mengadakan lebih kerap lagi misalnya misi galakan pelaburan ini ke negara-negara sebelah timur.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, rombongan galakan pelaburan pun ada melawat Jepun, Korea dan Hongkong pada penghujung tahun 1981 dan ada juga dirancangan rombongan seperti ini masih diadakan di negara-negara di Asia Timur.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu biasanya satu rombongan galakan pelaburan ke luar negeri mengandungi beberapa anggota, didapati juga ada yang turut pergi makan angin, ini telah nyata membazirkan wang ringgit rakyat dan saya mahu tahu apa tindakan akan diambil pada masa hadapan?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, bilangan anggota-anggota yang menyertai rombongan ini adalah flexible tertakluk kepada syarikat-syarikat atau individu-individu yang ada projek untuk membincang dengan bakal pelabur daripada luar negeri dan segala perbelanjaan ini ditanggung oleh syarikat-syarikat persendirian atau individu mereka. Kita pun mengkaji dahulu permohonan daripada sesiapa yang ingin mengambil bahagian dalam rombongan itu dan saya rasa juga rombongan yang telah pergi beberapa kali tidak hanya pergi untuk memakan angin sahaja, mesti ada satu rancangan yang dapat dibincang dengan bakal pelabur dan ini pun dikaji terlebih dahulu oleh Kementerian saya sebelum permohonan itu diterima.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah menerangkan bahawa banyak rombongan galakan pelaburan telah dihantar keluar negeri, tetapi di sini saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa balasan atau response daripada pelabur-pelabur asing nampaknya tidak begitu menggalakkan apabila dibanding dengan bilangan rombongan galakan pelaburan yang telah dihantar ke luar negeri, oleh kerana pelabur-pelabur asing ini masih mempunyai keraguan tentang Akta Penyelarasan Perindustrian, dan jika benar, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian yang berkenaan untuk mengatasi segala keraguan yang mereka ada terhadap Akta itu?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, tidak benar bahawa tindak balas yang ditunjukkan oleh pelabur-pelabur daripada luar negeri ialah disebabkan oleh apa-apa yang tertakluk di dalam ICA, ICA itu sekarang bukan jadi satu penghalang bagi pelabur-pelabur untuk melabur di Malaysia. Saya sendiri pun telah mengetuai beberapa rombongan ke luar negeri dan tidak ada satu kali, kalau saya tidak salah, berbangkit perkara ICA. Jadi kalau timbul ICA sebagai satu penghalang, saya rasa ini saya boleh nafikan tidak benar.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan selepas rombongan pelaburan ini kembali ke negara kita, apakah langkah-langkah yang diadakan oleh pihak Kementerian untuk mengadakan follow-up atas sambutan yang diberikan oleh negara yang dilawati.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi tindakan susulan akan diambil bukan sahaja dari pihak MIDA untuk follow-up tetapi ada pegawai MIDA yang dilantik di luar negeri pun ambil tindakan untuk memberi apa-apa sokongan dan apa-apa bantuan kepada para pelabur daripada luar negeri untuk datang ke Malaysia untuk melihat dengan mata sendiri apakah keadaannya. Ini adalah lazimnya kita dapat sambutan yang baik selepas tindakan susulan

ini yang diambil. Saya rasa ini ialah satu langkah yang mana kita sustain interest daripada pelabur-pelabur daripada luar negeri.

KOMPLEKS PERKAYUAN KERAJAAN

5. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed meminta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sama ada kompleks perkayuan Kerajaan yang ditubuhkan untuk memesatkan lagi penyertaan bumiputra di dalam industri perkayuan telah memainkan peranan yang diamanahkan kepada mereka, mengikut lunas-lunas penubuhannya dan apakah sumbangannya terhadap perkembangan penyertaan bumiputera di dalam industri perkayuan; dan
- (b) adakah benar bahawa kompleks tersebut bukan sahaja tidak menepati aspirasi menubuhnya malah menjadi persaingan kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera, dan jika sedar apakah langkah selanjutnya yang akan diambil untuk membetulkan keadaan ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sekarang ini terdapat 12 buah kompleks perkayuan yang mana 9 daripadanya adalah kepunyaan 100% Bumiputera dan tiga lagi kepunyaan antara 51% hingga 70% Bumiputera. Sumbangan terhadap perkembangan penyertaan Bumiputera di dalam industri perkayuan boleh dilihat dari segi perkembangan bilangan pekerja-pekerja Bumiputera di semua peringkat. Dalam tahun 1980 pekerja-pekerja Bumiputera di dalam industri perkayuan adalah seramai 19,800 orang atau 52% dari jumlah pekerja seramai 38,300 orang berbanding dengan hanya 7,828 orang atau 40.2% dari jumlah pekerja seramai 19,477 orang dalam tahun 1970 sebelum kompleks-kompleks perkayuan ini belum ditubuhkan.

Kompleks perkayuan ini telah juga menghantar kakitangannya untuk berkursus di pusat-pusat latihan seperti Pusat Latihan Membalok Terengganu, Kolej Perhutanan Kepong dan Instituti Kemahiran Mara, Pekan, Pahang untuk mempertingkatkan kemahiran kakitangan dalam industri perkayuan. Memandangkan lebih dari 90% daripada jumlah kakitangan di kompleks ini adalah Bumiputera, maka kemudahan-kemudahan latihan yang diberikan oleh kompleks-kompleks ini juga dapat mempertingkatkan kemahiran pekerja-pekerja Bumiputera dalam industri perkayuan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya kompleks-kompleks perkayuan ini juga, sekarang ini terdapat beberapa pengusaha individu Bumiputera yang mempunyai latihan dan pengalaman yang menguruskan kilang-kilang sendiri dan juga beberapa peniaga Bumiputera yang menjalankan kerja kerja pemasaran kayu-kayuan secara bersendirian. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kompleks-kompleks perkayuan tersebut telah ditubuhkan dengan lunas-lunas penubuhannya sendiri. Ianya bukan sahaja bertujuan untuk mendedah dan melatih serta mewujudkan daya keupayaan Bumiputera menjalankan industri perkayuan tetapi juga untuk mewujudkan industri perkayuan yang berintegrasi. Dengan adanya industri perkayuan yang berintegrasi tersebut, maka daya pengusahasilan sumber-sumber kayu kayuan dapat diwujudkan dan pemerosesan sumber-sumber kayu kayuan negara dapat dilakukan secara komprehensif. Dengan demikian, sumber-sumber kayu kayuan dapat digunakan secara maksima.

Berhubung dengan soalan bahagian (b), tidaklah benar bahawa kompleks tersebut tidak menepati aspirasi penubuhannya dan menjadi persaingan kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera. Dari segi kawasan pembalakan,

misalnya, Kerajaan-kerajaan Negeri masih memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha persendirian Bumiputera untuk memohon kawasan pembalakan dan mengerjakan sendiri kawasan yang telah diperolehi itu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, daripada 12 buah kompleks perkayuan yang ada itu, berapa buah yang rugi setakat ini dan berapa buah pula yang sudah mula membuat keuntungan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis untuk soalan itu.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah kalau Yang Berhormat ada angka, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan 12 buah kompleks kayu-kayu yang terdapat di negara kita ini, bolehkah Yang Berhormat beritahu jumlah keluasanya.

Saya ingin tahu juga sama ada benar bahawa selain daripada tugas-tugas yang disebutkan tadi kompleks-kompleks perkayuan ini juga diamanahkan untuk menjalankan ataupun untuk meneruskan Dasar Perhutanan Negara kita, iaitu mewujudkan hutan simpan kekal (sustain the yield forest) melalui rancangan-rancangan pembangunan hutan, misalnya menanam semula hutan, merawat hutan dan juga mengadakan sistem tebangan memilih. Jika benar demikian, saya ingin tahu berapakah jumlah kompleks-kompleks yang berkenaan yang telah menjalankan dengan sepenuhnya amanah-amanah yang telah ditugaskan itu.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana saya tidak bersedia untuk memberi angka-angka yang diperlukan oleh Yang Berhormat. Jadi kalau Ahli Yang Berhormat inginkan angka-angka itu, insya Allah saya akan beri di luar Dewan ini ataupun di lain masa.

Juga, mengenai angka-angka yang diperlukan untuk menentukan sama ada kompleks-kompleks ini sudah menjalankan usaha untuk menanam semula ataupun

mengaplikasikan apa yang dikatakan silviculture treatment terhadap kawasan-kawasan yang diberi kepada mereka, itupun saya rasa belum dapat saya beri sekarang, kalau dapat saya minta notis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Raman bin Suliman.

(Soalan No. 6 Y. B. Tuan Abdul Raman bin Suliman tidak hadir)

PERBADANAN PEMULIHAN DAN KEMAJUAN TANAH NEGERI KELANTAN

7. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan persediaan-persediaan yang telah dibuat oleh beliau untuk menghapus dan seterusnya menyerap Perbadanan Pemulihan dan Kemajuan Tanah Negeri Kelantan Darul Naim (TAKDIR) ke dalam KESEDAR dan sejauh mana jaminan dibuat oleh KESEDAR terhadap hakmilik tanah kepada peneroka-peneroka yang ada sekarang.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Pemulihan dan Kemajuan Tanah Negeri Kelantan Darul Naim (TAKDIR) adalah sebuah agensi Kerajaan Negeri yang ditubuhkan pada tahun 1980 bagi menggantikan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan yang telah ditubuhkan pada tahun 1960. Oleh itu sebarang tindakan pembubaran agensi yang berkenaan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Kelantan sendiri.

Berhubung dengan penyerapan projek-projek tanah TAKDIR ke dalam Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR), Kerajaan masih mengkajinya secara terperinci.

Bahagian soalan Yang Berhormat tentang jaminan KESEDAR terhadap hakmilik kepada peneroka-peneroka, setakat ini belum timbul.

PENAGIH DADAH—KERJA PERTUKANGAN TANGAN

8. **Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan sebab-sebab keuntungan yang diperolehi dari jualan barang-barang pertukangan tangan yang dibuat oleh para penagih dadah di Pusat Pemulihan Dadah di negara kita tidak digunakan oleh pusat tersebut untuk menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh mendatangkan faedah kepada mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, modal untuk kegiatan kerja-kerja pertukangan tangan yang dibuat oleh penagih dadah di Pusat Pemulihan Dadah datangnya dari dua sumber kewangan yang tertentu, iaitu:

- (a) Peruntukan Kerajaan;
- (b) Peruntukan Kumpulan Wang Faedah Lembaga Pelawat.

Segala hasil dari jualan kerja tangan yang mana modalnya dari peruntukan Kerajaan adalah dikredit sebagai Hasil Kerajaan seperti yang termaktub di dalam Arahan Perbendaharaan. Peruntukan Kerajaan untuk membiayai kerja tangan sepanjang tahun adalah mencukupi.

Semua hasil jualan kerja tangan dari modal Kumpulan Wang Faedah Lembaga Pelawat dimasukkan kembali ke dalam Kumpulan Wang tersebut. Menurut Kaedah Pusat Pemulihan Dadah 1979 wang yang dikumpulkan oleh Lembaga Pelawat ini adalah digunakan untuk faedah penghuni, sebagai tambahan kepada kemudahan yang disediakan oleh Pusat.

CUTI MINGGUAN—MENSERAGAMKAN

9. **Tuan Haji Hashim bin Haji Endut** minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk menseragamkan cuti mingguan pada hari Jumaat sahaja. Jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya ingin mengadakan Cuti Mingguan yang sama bagi

seluruh negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan terpaksa mengkaji dengan teliti mengenai hari-hari yang sesuai bagi cuti tersebut yang boleh diterima oleh semua Kerajaan-kerajaan Negeri.

Satu kajian mengenai perkara ini telahpun dibuat dan ditimbangkan oleh Kerajaan. Oleh kerana kesukaran untuk menentukan hari yang sesuai dan dapat diterima oleh semua pihak, pihak Kerajaan telah mengambil keputusan supaya cuti hujung minggu yang diamalkan sekarang oleh setiap negeri diteruskan.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kalau cuti ditetapkan pada hari Jumaat, ramai orang tidak pergi sembahyang Jumaat kerana itu hari cuti, dia bawa anak-anak pergi ke lain. Bukankah lebih baik kita selaraskan satu hari cuti sama ada Jumaat ataupun Ahad, yang mana lebih baik?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri telah menjawab iaitu pada masa ini perjalanan cuti sekarang iaitu dua hari itu diteruskan, yang mana yang lebih baik itu tidak timbul sekarang.

MAS—KELEWATAN PENERBANGAN

10. **Tuan Mutang Tagal** minta Menteri Pengangkutan menyatakan dasar pengurusan yang dijalankan oleh Sistem Penerbangan Malaysia misalnya semasa tempoh operasi MAS di dalam negeri, ada kelewatan-kelewatan penerbangan mungkin terjadi disebabkan oleh kerosakan teknikal (technical fault) dan kelalaian MAS sendiri dan ini menyebabkan penumpang persinggahan (transit passengers) terpaksa bermalam di hotel. Adakah dalam situasi ini, pihak MAS bertanggungjawab untuk memberi kemudahan penginapan, makanan dan pengangkutan kepada penumpang tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar MAS untuk memberi kemudahan-kemudahan seperti makanan, minuman, pengangkutan dan

penginapan kepada penumpang-penumpang, sama ada mereka membuat penerbangan dalam negeri ataupun penerbangan antarabangsa, apabila sesuatu penerbangan itu terlewat kerana kerosakan teknikal, cuaca buruk atau lain-lain sebab. Bagaimanapun, kemudahan-kemudahan pengangkutan dan penginapan hanya diberi kepada penumpang-penumpang persinggahan sahaja (transit passengers) jika penerbangan berkenaan telah lewat lebih dari enam jam dan waktu bertolak tidak dapat ditentukan. Penumpang-penumpang lain iaitu joining passengers perlulah membuat aturan sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh MAS ini adalah hanya merupakan 'goodwill gesture' untuk kesenangan penumpang-penumpang. Mengikut Syarat-syarat Pengangkutan Am Syarikat, MAS tidak terikat atau dipertanggungjawabkan untuk memberi kemudahan-kemudahan tersebut.

Tuan Mutang Tagal: Soalan tambahan. Adakah benar penerbangan MAS dari Sabah dan Sarawak ke Singapura dan sebaliknya ditarafkan sebagai penerbangan dalam negeri (domestic flight). Jika ya, adakah Kerajaan bertanggungjawab untuk memberi penginapan, makanan dan pengangkutan kepada penumpang-penumpang persinggahan yang terpaksa bermalam di hotel?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kemudahan yang saya katakan sebentar tadi adalah untuk kedua-dua penerbangan dalam negeri dan juga antarabangsa. Jadi saya fikir soalan Yang Berhormat itu tidak berbangkit sama sekali.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan tadi nampaknya MAS sentiasa beri makanan kepada penumpang-penumpang apabila mereka berada di dalam kapal terbang. Adakah sebab kerugian maka domestic flight sekarang tidak diberi makanan, hanya beri minuman sahaja? (*Ketawa*).

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mungkin untuk

mengurangkan kos operasi, makanan ataupun minuman yang diberi bagi penerbangan dalam negeri dikurangkan lagipun pada biasanya penerbangan dalam negeri itu adalah pendek-pendek sahaja.

PERKHIDMATAN PEKERJA PARAMEDICAL

11. Tuan Yeoh Poh San minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki perkhidmatan pekerja-pekerja "Paramedical" seperti biochemist, bacteriologist, nutritionist dan pegawai kebajikan dalam Hospital Kerajaan dan apakah kemudahan-kemudahan serta bantuan yang dapat diberikan kepada mereka oleh Kerajaan bagi membantu kakitangan berkenaan untuk mendalami pengetahuan dan kelayakan mereka.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, golongan pegawai Kerajaan seperti Ahli Kimiahayat, Ahli Kaji Kuman dan Pegawai Zat Makanan adalah dikenali sebagai Pegawai Penyelidik dengan mempunyai skim perkhidmatan yang tersendiri, manakala Pegawai Kebajikan pula mempunyai skim perkhidmatan yang berlainan.

Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kementerian telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memperbaiki perkhidmatan jawatan-jawatan ini.

Pada masa ini Kementerian sedang menggubal skim yang baru untuk jawatan Pegawai Penyelidik dan Pegawai Kebajikan di mana persetujuan telah diperolehi untuk mewujudkan jawatan-jawatan Tingkatan Kanan dan Tingkatan Tertinggi 'G' disamping memberi peluang-peluang kenaikan pangkat yang lebih luas.

Berkaitan dengan peluang-peluang latihan lanjutan pula, Kementerian telah menganjurkan kursus-kursus jangka pendek dan jangka panjang di dalam dan di luar negeri untuk pegawai-pegawai kategori ini dari masa ke semasa. Setengah kursus ini telah dijalankan dengan kerjasama daripada Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO) dan kita akan terus memberi peluang-peluang seperti ini.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berapa jawatan dalam Senior Timescale dan Superscale telah dilantik bagi pekerja-pekerja paramedical ini?

Dato' K. Pathmanaban: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Berapa jawatan telah dilantik atau diwujudkan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri minta penjelasan atas pertanyaan itu.

Tuan Yeoh Poh San: Berapa pekerja-pekerja paramedical telah dilantik dalam jawatan Senior Timescale dan Superscale?

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri hendak notis?

Dato' K. Pathmanaban: Saya cuba jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba juga, silakan.

Dato' K. Pathmanaban: Mengenai Ahli-ahli Kaji Kuman Tingkatan Biasa, saya belum mempunyai angka-angka Senior Timescale tetapi dalam Tingkatan Tertinggi 'G' baru-baru ini kita telah mempunyai 3 jawatan yang sedang diusahakan untuk diisikan. Mengenai Ahli Kimiahayat Tingkatan Biasa, kita juga mempunyai 3 jawatan, Tingkatan Tertinggi 'G' yang sedang juga diusahakan diisi kerana jawatan-jawatan ini adalah baru. Untuk jawatan-jawatan yang lain, saya minta notis mengenai Tingkatan Khas.

Tuan Daud bin Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah mereka yang terlibat ini membuat penghijrahan ke luar negeri? Soalan kedua, berapa ramaiakah mereka yang telah berhijrah, sekiranya ada.

Tuan Yang di-Pertua: Minta ulang sekali lagi.

Tuan Daud bin Haji Taha: Adakah mereka yang terlibat ini berhijrah ke luar negeri? Kalau sekiranya ada, berapa ramaiakah mereka itu?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ingat ada dua soalan. Soalan yang kedua itu, saya tidak dapat dengar tetapi mengenai penghijrahan pegawai-pegawai

yang dilantik ini, saya dukacita tidak mempunyai maklumat yang cukup mengenai perkara itu tetapi jumlahnya tidak ramai.

LAPANGAN TERBANG UDARA GONG KEDAK—POTONGAN PERUNTUKAN

12. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah buat sementara waktu negara kita telah ambil sebagai sebuah negara yang berdaulat untuk melindungi sempadan-sempadan dan pantai-pantainya terhadap sebarang musuh-musuh luar memandangkan potongan-potongan yang besar atas peruntukan wang di bawah belanjawan Rancangan Malaysia Keempat khususnya dengan potongan-potongan seperti ini akan menyentuh kerja atas satu projek penting seperti lapangan terbang Udara Gong Kedak di Kelantan yang dicadangkan untuk memperbaiki pertahanan Udara kita dan memperuntukkan kebolehan yang lebih baik bagi pengawasan di atas South China Sea yang kacau itu.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, pertahanan negara kita adalah didasarkan kepada falsafah 'kemampuan menghalang atau menyekat (deterrence capability)', menggunakan sumber-sumber pertahanan yang ada pada kita. Proses membina pertahanan kita ke arah ini memerlukan masa yang panjang. Kerja-kerja dan projek-projek yang berjalan sekarang ini ialah pelaksanaan ke arah mencapai rancangan mengikut falsafah ini dan bukanlah langkah-langkah sementara (temporary measures).

Rancangan pertahanan ini bergantung kepada keadaan ekonomi negara yang menentukan sama ada Kerajaan dapat membiayai pembelian senjata, alat-alat dan projek-projek pertahanan. Penguasaan dan keselamatan Laut China Selatan ialah tugas bersama Tentera Laut dan Tentera Udara kita. Tugas ini dibahagikan kepada dua aspek. Aspek pertama ialah 'surveillance' dan aspek kedua ialah 'defensive action'. Dalam 'surveillance' Tentera Udara di Raja kita sekarang menggunakan 'maritime aircraft' untuk mengawasi Laut China Selatan.

Tentera Laut kita sentiasa menggunakan kapal-kapal peronda yang ada bagi tugas yang sama.

Dalam aspek kedua, iaitu sekiranya keselamatan dan kedaulatan negara ini diancam, kita akan menggunakan secara 'optimum' sumber-sumber yang kita ada sekarang bagi menentang musuh iaitu kapal-terbang pejuang yang ada sekarang serta kapal-kapal perang tentera laut kita.

Konsep projek Gong Kedak iaitu untuk memusatkan (centralised) semua bidang latihan Tentera Udara Di Raja iaitu dalam bidang-bidang kejuruteraan, teknikal, supply dan lain-lain. Oleh kerana pengkalan ini akan mempunyai landasan pendaratan yang akan memberi 'option' kemudahan pendaratan yang boleh merupakan 'forward operating base' untuk kapal-kapal terbang pejuang kita. Kemudahan-kemudahan lain yang sedia ada di lapangan terbang awam seperti di Kota Bharu dan Pulau Pinang boleh juga digunakan sebagai 'forward operating bases' apabila diperlukan. Oleh kerana pengurangan peruntukan Kerajaan dan projek Gong Kedak ini ditundakan buat sementara, Tentera Udara Di Raja kita sekarang ini menjalankan latihan-latihan mereka secara 'decentralised' iaitu di tempat-tempat seperti Kinrara, Alor Setar, Ipoh dan Kuantan.

Pengkalan Gong Kedak bukan dirancang sebagai sebuah pengkalan gerakan (operational base).

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh Tentera Udara dan Tentera Laut kita terutama sekali di kawasan Laut China Selatan tidak mencukupi. Sebagai bukti sampai sekarang masih ramai lagi pelarian-pelarian dari Vietnam yang membanjiri pantai negara kita. Kalau sedar, apakah tindakan-tindakan yang lebih berkesan yang akan diambil oleh pihak Kementerian yang berkenaan?

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu, saya ingin memberi makluman di Dewan yang mulia ini bahawa

dengan adanya rondaan-rondaan yang sebegitu rapi yang dibuat oleh Tentera Laut Di Raja kita, maka bilangan-bilangan pendatang haram yang sampai ke tebing pantai di Trengganu sangatlah berkurangan semenjak awal tahun ini.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa tidak ada masalah bukan sahaja pelarian Vietnam, tetapi masalah pendatang haram dari Indonesia tidak berhenti-henti datang. Kenapa pihak kementerian berkenaan tidak mengambil perhatian yang berat untuk mengatasi masalah ini?

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain dan tiada kaitan dengan soal asal.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah termasuk dalam kawalan sempadan juga pegawai-pegawai tentera simpanan kita yang berkawal di Jambatan Yahya Putra, Kota Baru dan Jeram Perdah di kawasan Rantau Panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh ulangkah semula.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab di Jambatan Yahya Putra ada pasukan yang berkawal siang dan malam, begitu juga di kawasan Jeram Perdah, apakah pasukan ini juga sebagai pasukan mengawal sempadan kerana setahu saya tidak ada maklumat-maklumat yang kita dapati musuh menyeberang ke kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir soalan seperti itu tidak bersangkut.

Dr Tan Seng Giaw: Dengan kenyataan oleh Timbalan Menteri tadi, bolehkah Timbalan Menteri menyatakan sama ada langkah-langkah ini mencukupi untuk mengawal keselamatan nelayan-nelayan di pantai kita yang sering kali diserang oleh bot-bot asing.

Abang Abu Bakar bin Datu Abang Haji Mustapha: Cukup untuk sementara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Mohd. Yusof bin Haji Yakob.

(Soalan No. 13 Y. B. Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob tidak hadir).

IMPORT BARANG-BARANG BRITISH

14. Tuan Ismail bin Said minta Perdana Menteri menyatakan jumlah nilai import barang-barang British oleh Kerajaan dan bilangan pemborong-pemborong British yang dipertimbangkan dan diluluskan oleh beliau semenjak arahan dikeluarkan mengenai sekatan yang dikenakan ke atas barang-barang British.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, semenjak arahan Kerajaan dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Bil. 4/1981, Kerajaan sentiasa mengawasi pembelian barang-barang British oleh semua Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. Sehingga bulan Ogos, 1982 barang-barang buatan British yang masih diimport bernilai lebih kurang \$145 juta.

Semenjak arahan berkenaan dikeluarkan Kerajaan juga tidak mempertimbangkan atau meluluskan permohonan dari pihak-pihak berkenaan untuk melantik pemborong-pemborong British.

KELAS-KELAS BAHASA IBUNDA

15. Dato' Lee Kim Sai minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan sedar pengendalian kelas-kelas bahasa ibunda di sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan adalah sangat tidak memuaskan dan apakah langkah akan diambil oleh Kerajaan untuk membetulkan keadaan ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran menyediakan guru-guru bahasa ibunda yang cukup bilangannya.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Ibunda.

Dr Tan Tiong Hong: Ibunda, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa-siapa yang hendak menyampuk, minta dihadapkan kepada Yang di-Pertua (*Ketawa*).

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran menyediakan guru-guru bahasa ibunda yang mencukupi bilangannya untuk mengajar bahasa itu di sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan.

Sebenarnya, pengajaran bahasa ibunda hanya diadakan sekiranya ibubapa murid-murid meminta supaya kelas-kelas itu diadakan dan pihak Kementerian Pelajaran akan mengadakan sebuah kelas bahasa ibunda itu sekiranya bilangan murid-murid yang ingin mempelajarinya melebihi 15 orang. Sepanjang pengetahuan Kementerian Pelajaran kelas-kelas tersebut adalah berjalan dengan baik. Di samping itu Kementerian sentiasa mengawasi tentang prestasi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran tersebut dengan mengadakan pegawai-pegawai bahasa dari unit bahasa bahagian sekolah-sekolah dan Nazir-nazir dari Jumaah Nazir Sekolah Kementerian Pelajaran untuk melawat sekolah untuk menilai kelas-kelas bahasa ibunda dari masa ke semasa.

Mereka mencadangkan pendekatan-pendekatan dan teknik-teknik pengajaran yang lebih sesuai dan berkesan kepada guru-guru untuk membaiki mutu pengajaran pembelajaran bahasa itu.

Tuan Yang di-Pertua, jika didapati perlu kursus-kursus dalam perkhidmatan (in service courses) akan diadakan untuk guru-guru bahasa ibunda yang berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa kelas bahasa ibunda ada dijalankan dengan lancar dan baik. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa yang sebenarnya kelas-kelas bahasa ibunda (*pupil's own language*) adalah satu kegagalan besar dan pelajar-pelajar yang mahu menyertai kelas bahasa ibunda tidak boleh dapat kelas-kelas dalam bentuk taraf yang mereka mahu? Dan sungguhpun Laporan Kabinet Mengenai Pelajaran dalam tahun 1979 telah buat satu perakuan bahawa kelas bahasa ibunda akan diperbaiki supaya ada erti dan makna, sebenarnya tidak ada apa-apa perubahan. Untuk mengatasi masalah-masalah ini bolehkah pihak Kementerian mengadakan satu peraturan di mana mewajibkan kelas-kelas bahasa ibunda untuk semua pelajar-pelajar bukan Melayu kecuali ibu-bapa mereka yang tidak mahu anak-anak mereka menyertai kelas-kelas bahasa ibunda supaya kelas-kelas bahasa ibunda yang

sebenarnya boleh dijalankan dengan lancar dan licin bukan semacam sekarang di mana kelas-kelas bahasa ibunda adalah, satu laughing stock?

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka langsung tidak benar oleh kerana kalau kita mengkaji angka-angka yang saya dapati untuk tahun 1980 sahaja di Semenanjung Malaysia kita telah diadakan kelas-kelas bahasa ibunda seperti berikut:

Bahasa Cina	3,893 Kelas
Bahasa Tamil	1,417 Kelas
Bahasa Telugu	4 Kelas
Bahasa Arab	15 Kelas
	— +
JUMLAH ..	5,329 Kelas
	—

Dan tahun demi tahun bilangan kian bertambah dan kita tidak mendapatkan apa-apa maklum balas (feed-back) dari ibubapa sekarang sama ada mereka mahu atau tidak mahu peluang yang telah diberikan kepada murid-murid.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 6, 13, 16 dan 17 adalah diberi di bawah ini).

SKIM JAMINAN KREDIT (CGC)—PINJAMAN

3. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah benar Skim Jaminan Kredit (CGC) bagi membantu peniaga-peniaga kecil, dengan cara pelaksanaan terbuka sekarang ini telah dapat dinikmati oleh kira-kira 84 peratus peniaga-peniaga bukan kaum bumiputera. Jika benar, apakah Kerajaan bercadang mengenakan syarat-syarat yang lebih mudah dan diberi kesedaran sepatutnya bagi membolehkan skim ini menguntungkan sebahagian besar peniaga-peniaga bumiputera.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Terlebih dahulu saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang

Berhormat iaitu Syarikat Jaminan Kredit atau di dalam Bahasa Inggeris Credit Guarantee Corporation (CGC) adalah berbeza dengan Sekim Jaminan Kredit atau di dalam Bahasa Inggeris Credit Guarantee Scheme (CGS). Syarikat Jaminan Kredit atau CGC adalah sebuah institusi yang telah ditubuhkan khas untuk memberi jaminan kepada peminjam-peminjam yang dilulus serta dikelolai oleh bank-bank perdagangan untuk perusahaan-perusahaan kecil. Syarikat atau Corporation ini tidak memberi sebarang pinjaman secara langsung kepada peminjam-peminjam berkenaan tetapi hanya memberi jaminan terhadap pinjaman-pinjaman tersebut melalui skim yang dijalankan oleh CGC bagi tujuan yang saya telah nyatakan.

Secara keseluruhannya, bilangan pinjaman yang diluluskan untuk dijamin oleh Syarikat ini sejak ianya ditubuhkan di dalam tahun 1973 hingga akhir Ogos 1982 ialah sebanyak 108,241 yang mana 57,267 (atau 53 peratus) merupakan jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh kaum bumiputera dan 50,974 (47 peratus) jaminan kepada pinjaman yang dibuat oleh kaum bukan bumiputera.

Saya percaya soalan Ahli Yang Berhormat merujuk kepada prestasi pelaksanaan skim tersebut pada akhir-akhir ini. Dalam tahun 1981, jumlah pinjaman kepada bukan bumiputera yang dijamin adalah \$423 juta (85%) dari jumlah keseluruhannya. Bagaimanapun, dalam masa 8 bulan yang pertama tahun ini peratusan ini telah berkurangan menjadi 77 peratus sahaja (\$247.9 juta) dan jumlah pinjaman kepada kaum bumiputera telah meningkat kepada 23% (\$72.6 juta).

Dari segi bilangan pinjaman yang dijamin di bawah skim ini yang telah diberikan kepada Bumiputera bagi tahun 1981 ialah 4,390 atau 26% dari jumlah keseluruhannya. Bagaimanapun jumlah pinjaman yang dijamin bagi 8 bulan pertama tahun ini ialah 3,659 atau 34%. Ini jelas menunjukkan bahawa peratusan pinjaman kepada Bumiputera telah meningkat dari 26% kepada 34%. Saya percaya peratusan ini akan terus meningkat di masa akan datang.

Kerajaan berpendapat bahawa skim ini adalah mencukupi untuk membantu perusahaan-perusahaan kecil bumiputera. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Skim ini membolehkan perusahaan-perusahaan kecil yang layak untuk meminjam sehingga \$50,000 tanpa cagaran dan sebagai perkara dasar, CGC telah mengarahkan bank-bank untuk memastikan supaya pinjaman yang diberikan di bawah Skim ini adalah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, tanpa menjejaskan perniagaan bank pada keseluruhannya.

PEMERIKSAAN PERJAWATAN

6. Tuan Abdul Raman bin Suliman minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) Sama ada beliau sedar bahawa pendekatan menyediakan belanjawan dari segi perjawatan setiap tahun adalah kurang berkesan kerana ianya disediakan pada awal tahun tanpa mengetahui sebenarnya prestasi sesuatu Kementerian atau Jabatan.
- (b) jika ya adalah pendekatan cara baru sedang dikaji dan akan dipertimbangkan misalnya pemeriksaan perjawatan dilakukan dua tahun sekali.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:

- (a) Memang benar penyediaan belanjawan oleh Kementerian dan Jabatan mula dibuat pada awal tahun, tetapi pemeriksaan belanjawan termasuk perjawatan hanya dilakukan di pertengahan tahun. Oleh itu Kementerian dan Jabatan berkesempatan meminda atau mengubah keperluan perjawatan bagi agensinya mengikut kedudukan terakhir pada masa pemeriksaan belanjawan itu dijalankan. Tambahan pula, selain daripada mengambil kira prestasi di dalam tahun sebelumnya, prestasi tahun semasa dan ramalan prestasi tahun hadapan, faktor-faktor lain seperti adanya tenaga manusia terlatih bagi mengisi jawatan-jawatan yang akan diwujudkan, kedudukan kewangan dan keutamaan-keutamaan

negara juga dipertimbangkan. Oleh itu, adalah difikirkan pendekatan yang digunakan setakat ini adalah yang paling sesuai.

- (b) Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan bersama-sama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengkaji kemungkinan memeriksa keperluan perjawatan dua tahun sekali dengan tujuan supaya Kementerian dan Jabatan berkenaan mendapat faedah yang maksima dari setiap jawatan yang diwujudkan. Sukalah saya menyatakan bahawa persetujuan secara prinsip atas pendekatan baru ini telah pun dicapai.

Namun begitu, oleh kerana negara kita adalah sebuah negara yang sedang membangun di mana program-program dan projek-projek baharu sering dirangka dan diwujudkan dari masa ke semasa, maka pemeriksaan perjawatan perlu terus dibuat dari masa ke semasa apabila keperluan sesuatu jawatan timbul untuk melaksanakan program dan projek tersebut.

PENCEMARAN ALAM SEKITAR DI SABAH

13. Tuan Mohd. Yusof bin Haji Yakob minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah Akta Alam Sekeliling 1972 dilaksanakan sepenuhnya di Sabah. Bolehkah Menteri berkenaan menerangkan berapa banyakkah bilangan kes-kes mengenai pencemaran alam sekitar di Sabah yang diambil tindakan oleh Kementerian berkenaan. Adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk membuat sebarang kajian mengenai pencemaran dan pembangunan alam sekitar di Sabah.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas, Akta Alam Sekeliling telah dijadikan undang-undang dalam tahun 1974 dan berkuatkuasa di seluruh negara.

Berikutan dengan pembukaan Pejabat Cawangan Bahagian Alam Sekitar Sabah di Kota Kinabalu pada 15hb Mac, 1981, keupayaan melaksanakan Akta Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya telah dapat dipertingkatkan. Hasil usaha penguatkuasaan setakat ini adalah seperti berikut:

- (i) Dalam tahun semasa 2 buah kilang didakwa di Mahkamah;
- (ii) Sebanyak 9 kes telah dikompaunkan bagi kesalahan-kesalahan tertentu;
- (iii) Sebanyak 20 kes telah diberi amaran keras.

Kementerian saya juga menjalankan satu kajian garisdasar bersama Universiti Kebangsaan Malaysia, Kampus Sabah dalam tahun ini. Tujuan kajian ini ialah untuk mendapatkan maklumat lengkap mengenai keadaan kualiti air di Lembangan Sungai Labuk dan Sugut selaras dengan kegunaan-kegunaan air sungai serta kegunaan tanah di dalam kawasan tersebut pada masa ini. Disamping kajian yang saya sebutkan tadi, Bahagian Alam Sekitar (Wilayah Sabah) akan memberi keutamaan ke atas projek pelaksanaan kajian-kajian garisdasar bagi lembangan-lembangan sungai yang lain. Selain dari itu, memandangkan tidak ada data atau maklumat latar belakang mengenai alam sekitar Sabah, kerja-kerja pengawasan air dan udara juga diberi keutamaan. Buat masa ini, pengawasan sedang dilaksanakan bagi sebanyak 24 buah lembangan sungai, manakala bagi pengawasan udara pula sebanyak 3 buah stesyen telah pun ditetapkan di Kota Kinabalu. Pada tahun hadapan beberapa stesyen lagi (akan diadakan) di Sandakan, Tawau dan Labuan.

PERMOHONAN KERAKYATAN

16. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan permohonan kerakyatan yang telah diluluskan tiap-tiap tahun semenjak 1980.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Bilangan permohonan kewarganegaraan yang telah diluluskan pada tahun 1980 ialah 5,399. Bagi tahun 1981 ialah 2,284 dan bagi tahun ini sehingga 30hb September, 1982 ialah 2,062 permohonan.

MAS—JUMLAH KEUNTUNGAN

17. Dr George Chan Hong Nam minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah keuntungan MAS dari perkhidmatannya di Sarawak bagi tahun 1980, 1981 dan setengah tahun pertama tahun ini.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Oleh kerana rangkaian perkhidmatan yang diadakan oleh MAS di Sarawak melibatkan juga perkhidmatan-perkhidmatan sambungan atau penerusan penerbangan-penerbangan dari atau ke tempat-tempat lain seperti Semenanjung Malaysia, Sabah, Singapura dan Brunei, hitungan kewangan dari segi pendapatan dan perbelanjaan MAS dalam menjalankan perkhidmatan di Sarawak tidaklah dapat dibuat dengan tepatnya. Bagaimanapun hitungan secara anggaran mengenai perkhidmatan di Sarawak boleh dilakukan dan ini adalah seperti berikut:

- (i) bagi tahun kewangannya di antara bulan April 1980 hingga Mac 1981, MAS mengalami kerugian sebanyak \$1.5 juta;
- (ii) bagi tahun kewangan di antara bulan April 1981 hingga Mac 1982, MAS mengalami kerugian sebanyak \$6.9 juta;
- (iii) bagi tempoh di antara April 1982 hingga Julai 1982, kerugian yang dialami ialah lebih kurang sebanyak \$5.4 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat kerugian-kerugian ini bukan sahaja dialami di negeri Sarawak, malah MAS juga mengalami kerugian dalam menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan dalam negeri keseluruhannya termasuk di Sabah dan Semenanjung Malaysia.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1983

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (28hb Oktober, 1982.)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1983

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa sejumlah wang sebanyak \$11,669,988,913 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1983 bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran "Maksud Pembangunan" atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 tahun 1982 dan hendaklah diuntukkan amaun-amaun yang dinyatakan di bawah maksud-maksud itu bersentetangan dengan butiran-butiran itu dalam ruangan lapan dengan sembilan senarai tersebut." (28hb Oktober, 1982).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Sibü.

4.05 ptg.

Tuan Ling Sie Ming (Bandar Sibü): (*Dengan izin*) Tuan Speaker, I want to pick up from where I left off yesterday. As there is a healthy relationship between China and Malaysia, there should be free movement of people

between these two countries. Let us remember that the Malaysian Chinese are totally loyal to Malaysia, and they regard China only as the land of their forefathers and nothing more.

There has been a misconception that the Malaysian Chinese are more sympathetic to the communists. Nothing can be further from the truth. The ex-Chairman of the Malayan Communist Party is a Malay. In fact, even Malay members of the Cabinet have been arrested and jailed for their communist ties. It will not do national unity any good if we identify anti-national elements by race only for it will lead to racial sentiments.

The Member for Matang has alleged that my colleague from Bandar Kuching and I should have our loyalty questioned because we speak English in this House. He has further alleged that we may be agents for British colonialists. He is obviously ignorant of the peculiar conditions in Sarawak. He should understand more about the history and the Constitution of Sarawak; or else he would have offended most Sarawakians.

Bahasa Malaysia is one official language in Sarawak, but so is the English language. In Sarawak, members may freely choose to speak English. Before I came for this Parliamentary Session, I was told by a Barisan youth leader that there are forces in the Federal side to make Bahasa Malaysia the one and the only official language in Sarawak. I hope this is not true. I urge the Federal Government to respect the original Federation accord and recognise the rights of the Sarawakians to English as one of their official languages.

Many people have the wrong impression that if all the people speak in one single language, then there would be unity and harmony. But this is not always true. Malaysians including Sarawakians have all accepted Bahasa Malaysia as the National Language and nobody can deny it and refuse to learn it. But, on the other hand, while we have the constitutional right to speak in English, we must not be wrongly accused. This would be a dangerous act. Even the Prime

Minister has insisted upon proper respect to be given to the Constitution just a few days ago. Tuan Yang di-Pertua, loyalty is a matter of the heart and not of what one speaks only.

I will now turn to the question of Land in Sarawak. I hope the good officers of the Federal Government concerned will take proper action and find solutions in consultation with the Sarawak Government.

The Bintulu Development Authority's regulation that 50% bumiputera equity is a condition for land development in Bintulu is a counter-productive measure that slows down land development. Also the new policy of allocating 70% of the low-cost housing to bumiputera is also an unfair method of distribution.

Because of the state of Emergency declared in the early 1960's in the face of communist subversion, all the guns have been taken away from the people in Sarawak. But there are many farmers who need guns to guard their crops against wild animals. But their repeated applications for the re-issue of guns have never succeeded, while others from a different community can easily get their guns back. This is an imbalance to be corrected.

Recently, a shipping company has been formed with the blessing of the State Government, namely the Archipelago Shipping Sdn Berhad. It is supposed to be a joint venture between the Chinese and the Bumiputera Chambers of Commerce. Right now it enjoys a total monopoly of timber shipping in the State of Sarawak with a freight charge of US\$2.50 per ton of timber. I am given to understand that the new shipping company is liable to abuse, as arrangements can be made with foreign timber buyers for kickbacks and under-table money by virtue of the monopoly the company has over the shipping of timber for export. Whether the New Economic Policy will be abused to make a few connected people rich is a possible subject of investigation by the Federal Government.

Tuan Yang di-Pertua, to conclude, I would be much happier if more funds were allocated to agriculture and education under the 1983 Budget in order to build up a strong economic

foundation and to ensure that our children will benefit from a healthy educational system rather than becoming victims of our system.

I also call on the Federal Government to pay more attention to the peculiar problems of Sarawak so that Malaysians in Sarawak will not feel that they have been forgotten.

Malaysians also want a multi-cultural, multi-religious, multi-lingual and multi-racial society. Any policy that tends towards a monogamous society will destroy our national harmony.

Leaders of the Government should listen to the voices of the people. A lot can be learned even from the Opposition. In a democracy, an Opposition has its great value to provide checks and balances. Let us all work towards a prosperous and harmonious Malaysia.

4.14 ptg.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta membahas dan menyokong Anggaran Belanjawan 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah pada 22hb Oktober, yang lalu.

Anggaran Belanjawan 1983 semata-mata bertujuan untuk mengokohkan serta menstabilkan ekonomi negara kita yang sedang menghadapi kemelesetan ekonomi dunia.

Pada hemat saya langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam Belanjawan 1983 adalah langkah yang praktikal dan realistik. Ianya dibuat oleh Kerajaan selepas mengkaji dengan mendalam suasana dan keadaan ekonomi di negara ini. Justeru itu, tidaklah benar sungutan-sungutan dari setengah pihak bahawa Belanjawan 1983 itu adalah tidak adil dan terlalu beza-membedakan (discriminatory). Sebagai negara yang sedang membangun yang berbilang kaum yang mempunyai kedudukan sosio-ekonomi yang berlainan adalah menjadi satu nilai suci (noble virtue) seorang individu yang kaya-raya, mampu dan berada untuk menolong saudaranya yang miskin dan kurang bernasib baik. Pengorbanan dari pihak rakyat yang kaya-raya, mampu dan berada untuk

menanggung cukai-cukai yang tinggi harus disanjung tinggi oleh rakyat. Ini tidak benar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan berkehendak rakyat yang kaya harus dibebankan dengan cukai yang tinggi. Pada pendapat saya cukai-cukai yang dikenakan seperti cukai jalan raya dan cukai import kepada kenderaan adalah menasabah memandangkan setengah daripada kenderaan tersebut merupakan barang kemewahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa kesal apabila mendengar dan menimbang dengan mendalam ucapan yang diberi oleh pihak DAP terutama Ahli Pembangkang dari Bandar Kuching. Dalam ucapan beliau, beliau menyentuh; saya petik:

“We in the DAP are convinced that although Sarawak had a different social, historical, regional and political backdrop when joining Malaysia, we now as Malaysian have a common destiny with people of Malaysian across the length and breadth of our land.”

Kalau DAP benar-benar dengan keikhlasan dan kejujuran hati mempunyai satu common destiny dengan rakyat Malaysia di seluruh negara, mengapa pula Parti DAP tiap hari dan tiap malam menjadi seperti seekor singa riuh (roaring lion) menunggu masa untuk menerkam Barisan Nasional dan Kerajaan Malaysia (*Tepuk*). Pada pendapat saya ucapan parti DAP seperti ini mempunyai ‘wak-wak’.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat itu minta jalan, hendak beri atau tidak beri jalan?

Tuan Mutang Tagal: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat itu tidak bagi jalan. Sila duduk!

Tuan Mutang Tagal: Pada pendapat saya, ucapan Parti DAP seperti ini mempunyai ‘wak-wak’ yang ‘double standard’. Mereka ini ingin dan sedang berjuang dengan sedaya upaya untuk menjatuhkan Parti Barisan Nasional supaya mereka dapat mempraktikkan destiny-destiny yang mereka bayangkan sepanjang hari dan malam. Kami dalam Barisan Nasional lebih mengetahui apa

dia cita-cita yang Parti DAP menganuti dan kami tidak akan tertipu oleh kerana kami dalam Barisan Nasional adalah tokoh-tokoh politik yang matang, realistik yang diamanahkan oleh rakyat Malaysia demi memperbaiki taraf kehidupan dan menjaga keselamatan mereka dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching juga menyentuh tentang keadaan dan kedudukan sosio-ekonomi rakyat keturunan Dayak di Sarawak. Apakah Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching menuntut bahawa dialah juara bagi hak dan kepentingan rakyat keturunan Dayak di Sarawak? Walau Ahli Yang Berhormat itu benar-benar mengambil berat dan peduli atas kebajikan rakyat keturunan Dayak di Sarawak dan mempunyai cita-cita bagi kebaikan mereka, mengapakah Ahli Yang Berhormat itu sentiasa tinggal di Kuching sahaja (*Tepuk*). Dia tidak pernah melawat ke tempat kediaman rakyat keturunan Dayak di seluruh Sarawak, sebabnya Ahli Yang Berhormat membongkarkan keadaan sosio-ekonomi kaum Dayak di Sarawak.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia minta jalan, adakah Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan memberi jalan oleh kerana saya mahu meneruskan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan. Sila duduk!

Tuan Mutang Tagal: Sebabnya Ahli Yang Berhormat membongkarkan keadaan sosio-ekonomi kaum Dayak di Sarawak adalah semata-mata untuk keperluan politik sendiri oleh kerana pilihanraya bagi peringkat negeri Sarawak adalah mendatang. Itulah sebabnya Ahli Yang Berhormat itu membuat tuduhan-tuduhan tersebut untuk memancing undi dari kaum Dayak. Ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah politik perkauman yang telah menjadi “recipe” dan ‘speciality’ Parti DAP di Sarawak. Parti DAP harus insaf bahawa politik perkauman tidak akan berjaya di antara rakyat yang matang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah menuduh Kerajaan Sarawak bahawa Kerajaan tidak membuat apa-apa terhadap rakyat setingan di negeri Sarawak. Saya tidak mengerti mengapa Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching menuduh demikian. Tidakkah Ahli Yang Berhormat itu sedar bahawa menerusi Suruhanjaya Perumahan (Housing Commission) akan membangunkan beberapa unit rumah di bandar Kuching, Sibu, Miri, Limbang, Sarikei, Kapit dan lain-lain tempat. Apakah Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu buta dengan bayangannya itu sehingga tidak dapat melihat langkah-langkah yang diambil dan sedang dijalankan oleh Kerajaan bagi membina rumah-rumah kos rendah bagi setingan dan penduduk-penduduk negeri Sarawak. Saya mendesak supaya Ahli Yang Berhormat itu bangun dari tiduran dan mimpinya yang manis itu dan melihat kepada kemajuan kemudahan yang ada di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini beberapa Ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang terutama dari DAP telah beberapa menyoal mengenai kebersihan, kecekapan dan keamanahan Kerajaan Malaysia terutama dari sudut penggunaan kuasa oleh badan Eksekutif Kerajaan.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berucap dalam bahasa Inggeris di bawah Peraturan 8, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat. Pada pendapat saya pesanan (message) ini adalah penting bagi pengetahuan pihak DAP oleh kerana setengah mereka masih kabur dalam pengertian Bahasa Malaysia.

(Dengan izin) It is unbecoming and uncalled for the Honourable Members from the Opposition, especially the DAP, to make remarks which tantamount to questioning the use of the powers conferred on the Executive Branch of the Government.

Our country is governed by the Constitution. Our nation came into being through the Constitution. It shall live by the Constitution, and it shall be guided by the Constitution. The Constitution is the supreme law of our country. It is the balancing wheel of the Government, Mr. Speaker. The

Constitution divides powers and defines areas of operation among the three organs of Government, namely, the Executive, the Legislature and the Judiciary. The Constitution spells out the powers and jurisdictions of these three organs and within their own spheres of powers and jurisdictions, they are supreme. Because of the concept of separation of powers, they are to that extent independent. They are not allowed to encroach on each other's territory because of these inherent checks and balances within this concept of separation of powers.

Each of these organs of Government derives its powers from the Constitution—the Executive must exercise its powers within the sphere defined by the Constitution; the Legislature must legislate within the confines of its powers as spelt out by the Constitution; and the Judiciary must act and function within the sphere of jurisdiction defined by the Constitution.

Tuan Yang di-Pertua, we in the Barisan Nasional under the wise and pragmatic leadership of our beloved Prime Minister have full faith and confidence in the Constitution, the concept of separation of powers within these three organs and the system of parliamentary democracy we are practising, for we believe that the democracy we practise in is in accordance and in line with the spirit and aspirations of the Constitution and the people, where by we hope to build a better, prosperous and greater Malaysian nation where every citizen irrespective of race, creed and religion will enjoy political stability, economic prosperity, and mental and spiritual wellbeing.

Therefore I see no reason, Mr. Speaker, Sir, why the Opposition should fear and cast suspicious eyes on the Government in the discharge of its duties to the people.

Tuan Yang di-Pertua, we in the Barisan Nasional believe in the independence of the Judiciary as much as the Opposition. Since some Honourable Members of the DAP belong to the legal fraternity, it would be absurd that they should think otherwise. Since we have an independent Judiciary and an independent A.C.A., the proper forum for the determination of any allegation of abuse or

acts of abuse of powers by the executive is the Judiciary. It is, however, noted with regret that certain Honourable Members from the Opposition, especially the D.A.P., made use of the wrong forum, namely Parliament, to air their allegations of abuse of powers. This is irrational and immature politics. Tuan Yang di-Pertua, this august House must not be used by any Honourable Member of the House as a platform for personal vendetta against another Member. This is abhorrent and a mockery of the orderly and disciplined democracy we believe in. The Opposition has no right to question with malicious intent the wisdom of the Government when making policy decisions affecting the Nation, in order to bring the Government into disrepute. This is not the role of an Opposition in a parliamentary democracy. The Opposition in Malaysia, especially the D.A.P., has no political future in this country. They might as well resign to this fact and give up the idea of opposing for opposition's sake.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, seksyen 36 (10).

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk dahulu. 36 (10)—ya.

Dr Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 36 (10)—

“(c) perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia atau melanggar mana-mana syarat dalam Perlembagaan atau Akta Hasutan, 1948”

D.A.P. di Dewan yang mulia ini hanya melaksanakan apa yang dikandungan dalam Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir apa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tidak menyentuh seksyen 36 (10), bahkan benda-benda ini juga disentuh oleh pihak D.A.P. (*Tepuk*)

Tuan Mutang Tagal: The Opposition, especially the DAP and will not be able to deliver the goods. In a developing country like Malaysia, we need a Government that works and delivers. In the quest to build a greater Malaysia, the Government requires all the

support and co-operation from the people, and the Opposition, especially the D.A.P., has proven time and again to be a stumbling block in this plan to build a greater nation.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berucap lagi dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan ekonomi kita menjadi kuat dan stabil dalam masa panjang, Kerajaan harus menggalakkan skim pertanian secara besar-besaran di seluruh negara, seperti estet dan ladang getah, kelapa sawit, nenas, koko dan lain-lain.

Jatuhnya harga barang utama di pasaran dunia pada masa ini seperti kelapa, lada hitam tidak seharusnya diambil sebagai death blow, muktamad kepada masa depan barang-barang ini di pasaran dunia. Kekurangan harga tersebut harus menjadi satu motivasi bagi Kerajaan untuk mengkaji lebih mendalam mengapa adanya kekurangan harga di pasaran dunia.

Kalau ianya disebabkan oleh kerana negara lain mengeluarkan lebih tinggi dan lebih murah dari kita, maka kita harus mengamalkan teknik-teknik dan cara-cara moden supaya dapat mengeluarkan lebih banyak lagi hasil-hasil dengan kos yang rendah. Dengan mengikatkan ekonomi kita kepada barang-barang utama, eksport kita akan menjadi stabil waktu suasana kemelesetan ekonomi seperti dialami pada masa ini. Dengan eksport yang stabil, imbangan bayaran akan menjadi baik dan debt service ratio kita dapat dikawali. Kalau Semenanjung Malaysia tidak mempunyai tanah yang luas untuk estet dan ladang yang besar-besaran, Kerajaan harus mengambil titik-peluh bagi membuka dan membangun tanah dalam kawasan di Sarawak dan di Sabah bagi faedah rakyat dan negara.

Mengenai dasar Kerajaan untuk melaksanakan rancangan haiwan di negara ini, saya harap supaya pengeluaran susu dalam negara pada masa ini yang hanya berjumlah 5% dari keperluan negara harus dipertingkatkan lagi kepada 50% sebelum penghabisan tempoh Rancangan Malaysia Keempat ini. Pengeluaran daging lembu dan kerbau perusahaan pengeluaran daging ayam dan telur menternak kambing dan

mengeluarkan daging babi harus diteruskan secara besar-besaran memandangkan keperluan dalam negara makin meningkat dengan meningkatnya bilangan penduduk dan juga hasil kelebihan menternak haiwan ini dapat kita pasarkan ke pasaran dunia supaya mendapat keuntungan yang tinggi bagi negara kita.

Berkait dengan perkara di atas, saya minta, Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak Kerajaan dapat mengarahkan Bank Pertanian untuk menubuhkan lebih banyak lagi cawangan di Sarawak. Pada masa ini Bank Pertanian hanya mempunyai dua cawangan sahaja di Sarawak kalau saya tidak salah. Saya minta supaya cawangan-cawangan ditubuhkan di bandar lain di Sarawak terutama Bahagian Keempat dan Kelima untuk memudahkan petani-petani dalam permohonan pinjaman mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkhidmatan udara luar bandar (rural air service) di Sarawak, terutama di Bahagian Keempat dan Kelima, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memujikan Kerajaan oleh kerana Kerajaan telah menukarkan kapalterbang 'Britain Norman Islander BN-2' dengan 'Twin Otter'. Dengan penukaran ini lebih ramai lagi penumpang-penumpang dapat menikmati dari naiknya muatan kapal tersebut. Malangnya apa yang tidak memuaskan ialah pembatalan penerbangan yang dapat dikatakan tinggi oleh kerana banyak pembatalan penerbangan tersebut mengakibatkan penumpang-penumpang terpaksa menunggu dengan masa yang panjang.

Saya telah melihat bahawa kapalterbang 'Twin Otter' yang ada pada sekarang ini merupakan kapal penumpang semata-mata dan bukan untuk kargo. Saya telah mendengar sungutan-sungutan dari penduduk-penduduk pendalaman di Sarawak bahawa 'Twin Otter' tidak mahu membawa barang-barang mereka ataupun kargo. Memandangkan penerbangan udara ianya satu-satunya cara pengangkutan kepada tempat-tempat yang jauh di ulu, adalah menyusahkan kehidupan rakyat ini jika pihak

MAS tidak mahu membawa kargo mereka dari bandar ke kampung dan dari kampung ke bandar.

Saya bercadang, Tuan Yang di-Pertua, supaya Kerajaan membuat peruntukan di mana MAS harus mengasingkan dua penerbangan (two flights a week) setiap minggu khasnya untuk kargo sahaja ke tempat yang di Hulu-hulu untuk memberi sumbangan dan peranan yang lebih berkesan lagi. Saya minta supaya Kerajaan membeli lebih banyak lagi Twin-Otter ataupun kapal yang setaraf untuk perkembangan perkhidmatan udara di luar bandar.

Memandangkan kemalangan ataupun kejatuhan sebuah kapalterbang Britain Norman Islander di Long Semadoh-Lawas, Sarawak, saya minta supaya Kerajaan menghentikan penggunaan sebuah Britain Norman Islander di Sabah dan Sarawak. Saya difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kapal ini telah pun lama dan beberapa penumpang menolak ataupun membatalkan penerbangan mereka apabila mereka sedar bahawa kapal penerbangan mereka itu ialah Britain Norman Islander. Di sini saya ingin tahu dari Kementerian berkenaan sebab-sebab berlakunya kemalangan di Long Semadoh pada pertengahan tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah dapati bahawa Orang-orang Asli di negeri Pahang telah melarang syarikat kayu balak di Pahang untuk mengambil kayu-kayan dari tempat mereka tanpa pampasan ataupun tanpa syarat-syarat tertentu dipatuhi oleh syarikat berkenaan. Pada pendapat saya perkara ini sangat menyedihkan dan saya rasa ini merupakan suatu perkara yang serius dan harus diambil perhatian oleh Kerajaan dengan segera. Kalau perkara ini tidak dikaji dengan mendalam ianya akan melarat dan akan memberi kesan yang buruk bagi negara kita. Waktu saya mendengar perkara yang berlaku di Pahang itu melalui akhbar, saya terperanjat dan ketika itu saya pula teringat dengan perkara yang sama yang telah berlaku di Sarawak dan saya tertanya-tanya diri saya sendiri apakah perbuatan mereka itu tidak melanggar undang-undang? Tuan Yang di-Pertua, memang ada sebab-sebab mengapa penduduk Orang Asli dan penduduk pendalaman di Sarawak mengambil tindakan

sedemikian. Kalau mereka bersalah dari segi undang-undang, mereka harus dihukum, tetapi menyalahkan mereka sahaja itu adalah langkah untuk jangka masa pendek sahaja. Pada hemat saya memang ada sebab-sebab ataupun punca-punca mengapa mereka berbuat demikian. Mungkin ada kelemahan dalam dasar Kerajaan untuk mentadbir hutan dan kayu-kayan dalam negara ini. Kalau ada kelemahan dalam dasar Kerajaan itu, Kerajaan harus mengkaji semula dasar itu demi mengatasi dan mengelakkan dari berlakunya perkara yang buruk itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa saya sama sekali tidak bersetuju dengan tindakan yang diambil oleh penduduk Asli tersebut (*Dengan izin*): I do not condone the action taken by the people here and in Sarawak by holding timber camp to ransom. Tindakan tersebut merupakan tindakan yang tidak wajar dan menasabah. Walau bagaimanapun, Kerajaan harus mengambil titikberat tentang perkara ini dan ambil langkah positif supaya aspirasi Kerajaan dan rakyat dapat dipenuhi dengan cara yang baik dan halus.

Saya bercadang Kerajaan membuat temuramah dan konsultasi dengan rakyat yang terlibat dengan konsesi kayu-kayan di negara ini untuk kebaikan rakyat dan negara.

Memandangkan banyak kes tersebut telah berlaku di Sarawak, saya ingin tahu angka penduduk yang dituduh dan ditahan di Sarawak dalam tempoh tahun 1979 sehingga 1982 dan tempatnya dan syarikat yang terlibat dalam perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

4.36 ptg.

Tuan Mamat bin Abdul Rahman (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta menyokong Belanjawan negara tahun 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dalam sidang Dewan ini pada 22hb Oktober yang lalu dan saya suka menyentau beberapa perkara.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kita bolehlah menyambut baik Belanjawan negara tahun 1983 memandangkan masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang sedang dihadapi oleh ekonomi dan kewangan negara pada masa ini yang disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia yang meruncing. Kita bolehlah faham bahawa kemerosotan ekonomi negara yang terutamanya disebabkan oleh kejatuhan permintaan dan harga barang eksport utama negara kita tidaklah dapat kita elakkan oleh kerana sebagai sebuah negara pengeluar barang-barang mentah, kita bergantung kuat kepada negara-negara perindustrian yang menggunakan bahan mentah kita itu. Lagipun dasar-dasar dan amal-amalan yang dipakai oleh negara-negara tersebut seperti dasar perlindungan (protectionism), penjualan stok penimbal (stockpile) bagi bijih timah dan getah, dasar-dasar kewangan dan kenaikan kos dan harga barang-barang kilang mereka yang kita import adalah di luar daripada kawalan kita.

Di dalam konteks inilah kita menginsafi Belanjawan 1983 yang disediakan secara pragmatik dengan matlamat bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangan dan imbang pembayaran negara dan menjamin pencapaian kadar pertumbuhan ekonomi yang memuaskan di samping mengekalkan kestabilan harga. Saya berkeyakinan penuh matlamat itu akan dapat dicapai dengan berkesan kerana prospeknya adalah baik memandangkan keadaan ekonomi dunia pada masa ini diketahui sedang menuju ke arah pemulihan yang menggalakkan dalam tahun 1983 di samping langkah-langkah positif yang diambil oleh Kerajaan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1983 berjumlah \$28,749 juta tidak banyak berkurangan daripada Belanjawan 1982 yang disemak semula berjumlah \$29,066 juta dan masih melebihi perbelanjaan sebenar Belanjawan tahun-tahun sebelumnya. Pengurusan dan pembangunan negara tidak semestinya terjejas kerana peruntukan belanjawan tidak ditingkatkan mengatasi Belanjawan tahun sebelumnya oleh kerana prestasi boleh ditingkatkan melalui peningkatan kecekapan, penyelamatan dan penjimatan dalam perbelanjaan. Di samping

itu peruntukan Belanjawan yang meningkat tidak bererti apa-apa sekiranya prestasi dan perbelanjaan sebenarnya tidak dapat mencapai matlamat yang ditetapkan, sebagaimana yang berlaku dalam tahun-tahun sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya, di dalam tahun 1980 daripada lebih kurang \$11,000 juta yang diperuntukkan bagi Belanjawan Pembangunan hanya \$8,000 juta sahaja dapat dibelanjakan, sementara dalam tahun 1981 pula hanya lebih kurang \$11,500 juta sahaja dapat dibelanjakan daripada jumlah peruntukan sebanyak lebih kurang \$15,600 juta. Apa yang perlu dititikberatkan adalah supaya Belanjawan itu disediakan secara realistik dan usaha-usaha dijalankan secara terkawal bagi mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan. Jika seluruh peruntukan pembangunan 1983 dapat dicapai, Belanjawan sebenarnya bagi tahun 1983 adalah lebih tinggi berbanding dengan Belanjawan-belanjawan sebelumnya, malahan perbelanjaan 1982 itu sendiri, dan jika perlu, bolehlah disemak semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Belanjawan 1983 mengemukakan beberapa cabaran terhadap pegawai-pegawai Kerajaan dan pengurus-pengurus awam di negara ini. Selain daripada cabaran supaya mereka menjayakan dasar jimat-cermat di dalam perbelanjaan, mereka juga perlu menunjukkan dan meningkatkan keupayaan dan kecekapan di dalam menyediakan perancangan, pelaksanaan, pengurusan dan pengawalan projek-projek pembangunan supaya projek-projek itu dapat dilaksanakan dan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan dan sebaliknya membolehkan rakyat menikmati faedah pembangunan dengan seberapa segera.

Sebarang masalah dan kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek bukan sahaja boleh menggandakan projek-projek itu sendiri, malahan boleh mendatangkan banyak keburukan yang lain seperti masalah viability projek ekonomi, pembaziran wang dan kenaikan kos.

Kegendalaan dalam projek-projek sosio-ekonomi untuk kalangan rakyat berpendapatan rendah dan di luar bandar

boleh menambahkan kegelisahan dan kekeciwaan rakyat dan boleh dieksploitasikan oleh golongan-golongan yang berkepentingan dan tidak bertanggungjawab yang sentiasa menunggu untuk menanggung di air keruh. Memandangkan projek-projek pembangunan Kerajaan bukan sahaja telah meningkat dengan banyak dan pesatnya pada masa ini tetapi terutamanya telah menjadi lebih besar, lebih kompleks dan diperlukan dengan lebih segera, Kerajaan patutlah meneruskan penekanan yang lebih besar, berkeutamaan dan berkesan terhadap masalah pentadbiran dan perancangan, penyusunan dan penyelarasan serta pelaksanaan dan pengawalan projek-projek di semua peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran negara kita adalah agak dengan izin, disintegrated di mana kita mempunyai Perkhidmatan Awam Pusat dan Perkhidmatan Awam disetengah-setengah negeri. Perkhidmatan Awam Pusat sendiri juga agak dengan izin lagi disintegrated di dalam banyak segi jika dikaji dengan terperinci. Disintegrasi tidaklah sama dengan decentralisasi. Kita terpaksa decentralise pentadbiran mengikut portfolio-portfolio di peringkat negeri dan daerah, tetapi kita tidak dapat membenarkan pentadbiran yang kita decentralise itu menjadi tidak terselaraskan dan tidak terkawal, tidak saling bantu membantu dan genap menggenapi sebagai satu perkhidmatan yang satu dan bersepadu.

Bagi mengatasi masalah penyelarasan di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri di dalam pembangunan negara, kita perlu menyusun semula dan memberikan peranan-peranan dan kuasa-kuasa baru kepada Pejabat-pejabat Kemajuan Negeri oleh kerana Pejabat ini didapati telah hilang kedudukan dan pengaruhnya di peringkat negeri-negeri. Jawatankuasa-jawatankuasa Tindakan Daerah juga nampaknya semakin hilang kekesanannya di mana ia tidak lagi menjadi pusat saraf untuk menentukan tindakan-tindakan dan penyelesaian masalah-masalah di antara Jabatan-jabatan, tetapi sekadar tempat memberi dan menerima laporan-laporan, kebanyakannya laporan-laporan tentang kegendalaan-kegendalaan tetapi keputusan-keputusan bagi mengatasi

kegendalaan-kegendalaan itu sendiri kurang dipentingkan dan kurang berkesan. Kita perlu mengembalikan kedudukan pengaruh dan kekesanan kedua-dua jentera ini di dalam pentadbiran negara sebagaimana pada masa yang lalu, kerana kita percaya kedua-duanya adalah sangat berguna dan penting di dalam proses pembangunan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh beberapa perkara berhubung dengan pembangunan negara ini. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika bertitah merasmikan sidang Dewan ini pada 11hb Oktober, 1982 yang lalu telah menganjurkan filosofi yang sungguh murni di dalam menyeru rakyat negara ini menghadapi cabaran-cabaran iaitu bagi kita mendokong semangat; berat sama dipikul, ringan sama dijinjing; hati kuman saman dicecah, hati gajah sama dilapah. Konsep ini menganjurkan satu prinsip utama iaitu prinsip persamaan atau persetaraan (equality) di dalam tanggungjawab dan perkongsian manfaat.

Di negara ini faktor jurang perbezaan jika tidak dibendung boleh menjerumuskan kita. Kerajaan hendaklah terus mengambil daya-usaha yang lebih serius, bersistemetik dan berkeutamaan untuk mengurangkan aspek-aspek jurang perbezaan di negara ini termasuk perbezaan ekonomi di antara kaum, wilayah, negeri, kawasan bandar dan luar bandar dan lain-lain, dan matlamat ini hendaklah disokong oleh Belanjawan negara dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan pilihanraya saya sebagai contoh sahaja masih terdapat berpuluh-puluh kampung yang terletak beberapa batu sahaja daripada lebuhraya dan pekan-pekan luar bandar hanya boleh dimasuki melalui jalan-jalan track. Mereka telah menunggu 25 tahun untuk mendapat bekalan api, air dan jalan yang sempurna, sepanjang 3-4 batu sahaja ke kampung-kampung mereka sedangkan beribu-ribu batu jalan yang indah-indah telah dibina di tempat-tempat lain terutamanya di bandar-bandar. Malah kita harus tidak percaya, setelah 25 tahun merdeka masih terdapat murid-murid di sebuah sekolah yang terletak hanya 5 batu sahaja dari sebuah

pekan kecil masih belajar dalam bangunan sekolah yang dibuat dari kayu-kayu hutan, beratap rumbia, berbangku panjang yang dibuat dari kayu-kayu reja yang pada pandangan saya hanya layak dipanggil—saya tidak tahu apa hendak panggil.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan luar bandar yang bertujuan menggalakkan ekonomi dan penyediaan kemudahan-kemudahan asas kepada rakyat seperti jalan, bekalan air dan api, kesihatan dan pelajaran yang sempurna masih lagi memerlukan perhatian berkeutamaan dan tinggi daripada Kerajaan. Strategi dan matlamat pembangunan luar bandar bukan sahaja perlu diasaskan kepada mengerakkan ekonomi dan pembangunan semata-mata, tetapi yang lebih penting lagi ialah bagi mengelakkan pembaziran-pembaziran yang banyak berlaku terhadap hasil-hasil pengeluaran dan tenaga manusia yang berpotensi disebabkan oleh kekurangan kemudahan-kemudahan perhubungan dan pemasaran, peluang-peluang pelajaran dan pekerjaan yang boleh menggunakan punca-punca dan hasil-hasil ini secara maksima.

Belanjawan tahun 1983 telah membuat pemotongan sebanyak \$195.9 juta iaitu 21% daripada Belanjawan 1982 bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Daripada jumlah ini \$145.5 juta atau 74% adalah potongan bagi bekalan elektrik, air dan terutamanya jalan-jalan luar bandar. Potongan bekalan air, api dan jalan dalam tahun 1983 adalah sebanyak 36% daripada Belanjawan tahun 1982. Potongan-potongan ini pada pandangan saya adalah bertentangan dengan masalah-masalah dan keperluan-keperluan di kawasan luar bandar. Apakah tidak lebih baik jika penjimatkan kewangan yang dibuat di dalam sektor-sektor lain disalurkan kepada sektor luar bandar bagi memesatkan lagi projek-projek kemudahan asas, kesihatan dan pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini rakyat adalah mengharapkan supaya dinamik pembangunan luar bandar yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan pada masa yang lalu akan dipesatkan lagi oleh Kerajaan sekarang dan kita percaya Kerajaan sekarang

mempunyai cukup jentera, cukup kewangan, dan cukup kepakaran bagi meningkatkan kejayaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek petroleum dan gas di Terengganu adalah satu bidang yang lucrative yang melibatkan perbelanjaan modal yang dijangkakan lebih \$3,000 juta. Tetapi sebagai contoh daripada \$878 juta nilai kerja-kerja kontrak bagi projek penapis minyak mentah, terminal minyak mentah dan perumahan yang telah dilaksanakan oleh PETRONAS sehingga ini hanya \$3.1 juta sahaja dinikmati oleh bumiputera. Ini adalah satu jurang yang sangat ketara. Kita hendaklah menggunakan bidang lucrative ini untuk mengwujudkan peluang-peluang seadil-adilnya dan seluas-luasnya kepada pekerja-pekerja, pemborong-pemborong, peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan bumiputera dan tempatan. Kontrak-kontrak antarabangsa yang dikeluarkan secara turnkey sebagaimana projek-projek penapis minyak dan terminal minyak mentah PETRONAS dan projek besiwaja oleh HICOM, kurang memberi peluang kepada penyertaan bumiputera, penggunaan bahan-bahan dan komponen-komponen serta perkhidmatan perkapalan dan insuran tempatan adalah sekali lagi merugikan kita.

Pendekatan yang kita sediakan di dalam pelaksanaan perusahaan petroleum dan gas yang integrated secara besar-besaran, intensive modal dan tinggi teknologi juga mempunyai risiko-risikonya dan boleh menutup peluang-peluang kepada bumiputera dan usahawan-usahawan tempatan juga. Kilang-kilang berasaskan petroleum dan gas iaitu petro-kimia tidaklah hanya boleh diwujudkan secara besar-besaran, intensive modal dan tinggi teknologi semata-mata. Di negara Taiwan di samping kilang-kilang yang melibatkan pelaburan teknologi yang tinggi perusahaan-perusahaan petro-kimia juga dibuat secara serdahana terutamanya kilang-kilang mid-stream dan downstream, dan apa yang lebih menarik lagi ialah bahawa perusahaan petro-kimia di Taiwan bukan sahaja telah mendatangkan faedah yang besar kepada ekonomi negara, tetapi telah dilaksanakan secara terencana sehingga

mendatangkan faedah dan penyertaan yang meluas kepada rakyat negara itu sendiri tanpa banyak bergantung kepada pihak luar negeri.

Kita berharap PETRONAS akan mengkaji kemungkinan ini dan menyediakan satu pelan induk atau program bagaimana pembangunan industri petro-kimia di Terengganu itu dapat memberikan peluang-peluang yang luas dan adil kepada bumiputera dan usahawan-usahawan tempatan, bersekali dengan langkah-langkah mengesan, mengwujudkan dan membantu mereka mencapai penyertaan yang berkesan dalam industri ini.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) adalah jentera Kerajaan yang penting untuk mencapai Dasar Ekonomi Baru dan diwujudkan di atas konsep pemegang amanah kepada bumiputera. Kita telah sampai ke peringkat kita perlu melepaskan amanah ini kepada bumiputera melalui Pelaburan Nasional Berhad yang menguruskan Amanah Saham Nasional. Tetapi tidak banyak sumbangan-sumbangan PKEN ke arah ini setakat ini kerana syarikat-syarikat mereka belum lagi memperolehi kejayaan-kejayaan yang memuaskan. Dripada jumlah 351 buah syarikat-syarikat anak PKEN yang melibatkan modal \$692 juta hanya 5 buah sahaja telah diserahkan kepada PNB. Saya tak tahulah sekiranya ada setengah-setengah PKEN yang enggan melepaskan syarikat-syarikat anak mereka yang untung kepada PNB. Kita berharap Kerajaan boleh menyasat akan perkara ini dan memberitahu kita bagaimanakah kedudukan yang sebenarnya berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah PKEN dan syarikat-syarikat anaknya yang utama ialah kekurangan tenaga pengurusan dan profesional yang bersesuaian dan tinggi mutu. Dripada jumlah 667 jawatan-jawatan kategori A yang diluluskan bagi semua PKEN pada akhir tahun 1981, sebanyak 221 jawatan atau 33% tidak dapat dipenuhi. Setakat mana masalah ini di peringkat syarikat-syarikat anak tidak pula diketahui dengan tepat tetapi adalah dipercayai lebih besar lagi. Telah lama PKEN-PKEN dan juga lain-lain agensi Kerajaan mencari jalan masing-masing

bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pengurusan dan profesional yang sesuai ini tetapi sehingga ini penyelesaiannya belum ada sekalipun kita mempunyai berbagai-bagai agensi yang bertanggungjawab menganjur, melatih dan mengeluarkan tenaga pengurusan dan profesional. Sungguhpun PKEN adalah milik Kerajaan-kerajaan Negeri, ia adalah lahir di atas hasrat dan bagi kepentingan negara. Kerajaan Pusat melalui Kementerian Perusahaan Awam hendaklah mengkaji secara mendalam dan menyeluruh masalah kekurangan-kekurangan tenaga profesional di PKEN-PKEN dan syarikat-syarikat anaknya dan merangka satu dasar strategi serta program untuk mewujudkan cukup tenaga pengurusan dan profesional bagi agensi-agensi tersebut dalam jangka masa panjang. Masalah ini hendaklah tidak dipandang sebagai masalah PKEN dan Kerajaan-kerajaan Negeri semata-mata tetapi juga sebagai masalah negara.

Tuan Yang di-Pertua, pemilikan modal oleh individu-individu bumiputera di dalam syarikat-syarikat swasta baru mencapai 4.3% daripada jumlah modal syarikat-syarikat swasta, sementara pemilikan modal rakan kita kaum China telah mencapai 40.9%. Kedudukan pemilikan modal bumiputera secara keseluruhannya termasuk syarikat-syarikat Kerajaan dan pelaburan PNB baru mencapai 14.5%, iaitu satu jurang yang masih sangat besar. Tetapi kita merasa agak terkejut mendapati bahawa peruntukan kepada agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam dalam tahun 1983 telah dipotong daripada \$880.9 juta dalam tahun 1982 kepada \$451.3 juta, iaitu sebanyak 51% dalam tahun 1983. Langkah ini sudah tentulah tidak membantu kita mencapai perseimbangan yang diharapkan dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu cara kita meningkatkan permodalan bumiputera dalam jangka panjang ialah bagi kita mewujudkan lebih ramai jutawan-jutawan, peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan bumiputera yang terlibat di dalam perdagangan dan perusahaan yang lebih besar, moden dan bersifat antarabangsa. Saya berpendapat matlamat ini boleh dicapai melalui satu pendekatan di mana pemodal-pemodal dan

usahawan-usahawan bumiputera dibenarkan berkongsi secara terkawal, berkongsi modal, pengurusan, pemasaran dan resources dengan agensi-agensi Kerajaan secara langsung. Dengan ini pemodal-pemodal dan usahawan-usahawan bumiputera bukan sahaja diberikan peluang-peluang tetapi juga kesempatan-kesempatan bagi menyertai perusahaan-perusahaan secara lebih positif dan committed. Strategi untuk mewujudkan 'Sogoshosha Malaysia' hendaklah memberikan peluang-peluang yang secukupnya kepada bumiputera supaya peluang-peluang yang diwujudkan melaluinya dapat menyumbangkan ke arah matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor yang masih menjadi halangan kepada usaha-usaha meningkatkan kemajuan bumiputera pada masa ini ialah sikap setengah pihak yang tidak senang dengan usaha-usaha tersebut. Jarak di antara Kerajaan dan swasta di dalam melaksana dan mencapai dasar, matlamat-matlamat dan aspirasi negara adalah masih luas. Firma-firma, kilang-kilang dan bank-bank masih lagi bermain tarik tali dan bermanipulasi dengan Kerajaan di dalam dasar-dasar berhubung dengan bumiputera. Setengah pihak Pembangkang bukan sahaja tidak mahu memahami faedah-faedah Dasar Ekonomi Baru tetapi pada anggapan saya mereka sebenarnya tidak bersetuju dengan dasar ini. Jadi sampai bilakah keadaan ini hendak dibiarkan dan apakah langkah-langkah yang lebih berkesan yang hendak diambil oleh Kerajaan di dalam menghadapi masalah-masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara lain yang memerlukan perhatian semula dan selanjutnya daripada Kerajaan di dalam perkara-perkara pembangunan. Kita perlu memeriksa kembali setengah-setengah dasar insentif kita seperti dasar subsidi yang lebih bertujuan menggalakkan pengeluaran tetapi kurang menekankan kepada penggalakkan pemasaran dan pemerosesan sebagai pendekatan yang bersepadu untuk memperluaskan peluang-peluang menambah dan mempertingkatkan pendapatan petani-petani dan nelayan-nelayan khususnya. Kita memuji langkah Kerajaan mengeluarkan berbagai subsidi nelayan dalam bidang pengeluaran tangkapan tetapi ekonomi

nelayan umumnya masih rendah, sementara punca-punca hasil laut makin berkurangan (depleting). Sudah sampai masanya Kerajaan mencari strategi baru bagi membantu nelayan dengan mengadakan satu skim yang bersistematik bagi mengalih pandangan mereka daripada laut kepada peluang-peluang di darat seperti memberikan latihan-latihan kemahiran dalam bidang perindustrian, pembinaan dan lain-lain kepada nelayan-nelayan muda dan berpelajaran, menyediakan skim bagi mereka berniaga dan menceburkan diri dalam kegiatan-kegiatan memasar dan memproses tangkapan mereka atau lain-lain kegiatan-kegiatan perniagaan dan perusahaan.

Kita menyambut baik langkah Kementerian Pertanian yang telah menetapkan satu strategi objektif baru dalam sektor pertanian, iaitu bagi mewujudkan golongan-golongan petani dan nelayan yang berorientasikan kegiatan-kegiatan perniagaan dan perusahaan tetapi kita mendapati bahawa objektif ini kurang mendapat sokongan Belanjawan pada tahun ini dan haruslah pada pandangan saya objektif yang baik ini tidak akan mendatangkan kesan yang diharapkan dan kerana itu perlulah disokong lebih serius pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit tentang konsep baru pentadbiran Kerajaan di dalam konteks pembangunan. Kita menyokong hasrat Kerajaan hendak mewujudkan Kerajaan 'bersih, cekap dan amanah' tetapi bagi mewujudkan pentadbiran bersih, cekap dan amanah pendekatan pimpinan melalui contoh dan teladan kita takut harus tidak dapat berjaya sepenuhnya oleh kerana ia memerlukan insentif-insentif yang sewajarnya. Sebagai contoh, sistem bonus dalam setengah-setengah syarikat Kerajaan yang lazimnya memberikan bonus sama rata kepada kakitangan adalah kurang tepat. Jika diberikan misalnya bonus satu bulan kepada semua kakitangan, kita sebenarnya memberi reward kepada kakitangan yang lemah dan kurang memberikan sumbangan dan sebaliknya menghukum (punish) atau mewujudkan disincentive kepada kakitangan-kakitangan yang memberikan perkhidmatan-perkhidmatan cemerlang. Mereka sepatutnya

mendapat imbuhan yang lebih di atas sumbangan-sumbangan mereka yang lebih. Badan-badan Kerajaan perlulah digalak mewujudkan skim incentive dan disincentive yang sesuai dalam menyokong matlamat mewujudkan pentadbiran bersih, cekap dan amanah ini. Sebagai tambahan, Kerajaan hendaklah meneruskan rancangannya memberi penekanan yang lebih terhadap mutu dan daya pengeluaran pegawai-pegawai awam. Kriteria-kriteria dan amalan-amalan bagi mengukur produktiviti yang dipakai di sektor swasta patutlah di pakai dalam sektor awam di mana yang mungkin. Ini adalah sangat penting terutamanya mengingatkan bahawa perbelanjaan-perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan negara telah meningkat begitu tinggi sejak beberapa tahun yang lalu.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan program-program keislaman, kita mengalu-alukan penubuhan Bank Islam dan juga Universiti Islam Antarabangsa tetapi kita juga berharap penyelesaian juga dicari terhadap masalah gadai-menggadai di pajak-pajak di kalangan orang-orang Islam yang miskin bagi memenuhi keperluan menyara hidup dan lain-lain keperluan kecemasan. Apakah pula jalan penyelesaian terhadap keperluan insuran yang pada masa ini menjadi sebahagian daripada kehidupan umat Islam. Tidakkah Kerajaan hendak mengkaji dan melahirkan skim yang sesuai bagi memenuhi keperluan ini?

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup saya menyuarakan bahawa di dalam usaha Kerajaan mewujudkan sebuah negara yang lebih gemilang bagi Malaysia melalui pembangunan dan lain-lain usaha, kita perlulah kembali mengkaji sejarah untuk mendapatkan pengajaran dan amaran-amaran oleh kerana negara kita sebenarnya pernah mencapai kegemilangan yang tiada tolok bandingnya di datu maa yang lalu. Membuka balik lembaran sejarah untuk lagi terang lagi bersuluh, kita mendapati sejarah kegemilangan bangsa kita berkait rapat dengan kedatangan Islam di Terengganu dan kemudiannya di Melaka. Islam telah

membawa sinar kepada rohaniah dan jasmaniah penduduk-penduduk tempatan yang menjadi panduan dan pegangan ke arah kemajuan yang tinggi.

Selepas kedatangan Islamlah Empayar Melayu Melaka telah menempa kejayaan demi kejayaan, kegemilangan demi kegemilangan sehingga Melaka telah menjadi sebuah Empayar yang aman makmur, dihormati dan disegani serta diidami oleh banyak bangsa-bangsa lain termasuk bangsa-bangsa Barat dan Timur kerana Empayar Melayu Melaka bukan sahaja menjadi pusat pengaruh dan kuasa tetapi juga pusat perdagangan, pengetahuan, kebudayaan dan politik.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya kegemilangan Melaka akhirnya dihancurkan oleh intrigue-intrigue politik, perpecahan, pakatan-pakatan, pengkhianatan dan ancaman-ancaman dari dalam dan luar. Dan oleh kerana sejarah telah menunjukkan bahawa Melaka juga telah jatuh kerana keris dan lembing tidak dapat mengalahkannya bedil dan meriam, saya menyokong sepenuhnya Belanjawan negara berhubung dengan peruntukan bagi pertahanan dan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kinabatangan.

5.03 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Misbah (Kinabatangan): Tuan Yang di-Pertua, jika benar laporan agensi berita Reuter yang tersiar dalam *The New Straits Times* di muka 11 terbitan 27hb Oktober tahun ini dan laporan *Business Times Malaysia* di muka 1 juga terbitan 27hb Oktober, 1982 ini, maka saya atas nama rakyat Malaysia di Sabah mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas usaha-usaha diplomatik Kerajaan Pusat merundingkan dan menyelesaikan tuntutan Filipina ke atas negeri Sabah.

Saya lebih-lebih lagi bergembira kerana mendapati bahawa kenyataan yang dibuat oleh jurucakap Kerajaan Filipina iaitu Encik

Emmanuel Pelaez yang mengatakan bahawa Kerajaan Filipina memang tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan ke atas negeri Sabah. Kenyataan ini juga adalah selaras dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengenai perkara ini.

Pada awal tahun lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa tuntutan ini tidak semestinya wujud kerana ianya tidak berasas. Dengan ini saya penuh yakin bahawa kenyataan terbaru Kerajaan Filipina ini tentulah menggembirakan kami di Sabah, kerana ekoran daripada pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah ini maka banyaklah masalah-masalah ataupun perkara-perkara yang melibatkan negeri Sabah yang boleh diselesaikan dengan lebih lancar dan sempurna lagi. Selain daripada itu penyelesaian tuntutan Filipina ke atas Sabah ini adalah satu lagi ukuran kejayaan yang gemilang Kerajaan Persekutuan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, strategi Belanjawan negara kita bagi tahun 1983 adalah seperti berikut:

- (1) memperkemas dan memperkukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan Pusat selaras dengan sumber yang ada;
- (2) memperbaiki dan memperkukuh asas kedudukan imbalan pembayaran; dan
- (3) untuk mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang meluas di samping mengekalkan kestabilan harga.

Setelah mengkaji dasar Belanjawan ini berasaskan ketiga-tiga strategi itu, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan yang telah membentangkan satu Belanjawan yang adil dan penuh bertimbang rasa. Saya dapati bahawa Belanjawan tahun hadapan akan memansuhkan semua cukai ke atas minyak wangi, beberapa jenis alat solek, kamera, recorder, radio dan lain-lain. Kita diberitahu bahawa harapan Kerajaan ialah untuk membolehkan penjualan runcit barang-barang ini dan kemajuan industri pelancungan di negara ini akan lebih bertingkat lagi.

Saya berpendapat bahawa pemansuhan cukai-cukai ke atas benda-benda tadi lebih baik lagi jika dikenakan ke atas semua duti getah, kelapa sawit dan koko kerana harga pasaran bahan-bahan ini merosot sekali dan kemerosotan harga bahan-bahan ini sangatlah dirasakan oleh pekebun-pekebun kecil kita. Ekoran daripada pandangan ini, suka saya mencadangkan supaya semua jenis cukai ke atas hasil tanaman pekebun-pekebun kecil kita dikecualikan dari segala bentuk cukai dalam masa 5 tahun bermula dari tahun 1983 untuk memberikan nafas segar kepada pasaran bahan-bahan keluaran negara kita ini.

Saya sungguh mengharapkan cadangan ini dapat ditimbang oleh Kerajaan memandangkan bahawa ekonomi negara kita dijangka akan mulai pulih pada pertengahan tahun hadapan dan adalah dijangka dalam masa 5 tahun dari tahun 1983 boleh dinikmati oleh pekebun-pekebun kecil kita sebagai tahun-tahun pemulihan kemerosotan jualan dan harga bahan-bahan di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$198 juta untuk program-program kesihatan. Saya berpendapat bahawa peruntukan untuk aspek pembangunan negara kita ini adalah lumayan dan prestasi Kerajaan Pusat selama ini untuk meninggikan taraf Kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar di seluruh negara kita adalah berjalan dengan baik. Walau bagaimanapun saya suka memberi pandangan di sini iaitu mengenai beberapa kelemahan yang berlaku dalam Jabatan-jabatan Persekutuan di negeri Sabah.

Dalam segi ini suka saya memperkatakan bahawa walaupun penyusunan Belanjawan ini selalu dibuat begitu rapi dan teratur tetapi disebabkan oleh beberapa kelemahan teknik yang berlaku di Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan di Sabah maka berlakulah beberapa kelambatan pelaksanaan projek-projek pembangunan negeri Sabah. Terlalu banyak pembinaan hospital-hospital di Sabah terpaksa ditangguhkan, terlalu banyak pembinaan jalanraya-jalanraya di Sabah juga terpaksa

ditangguhkan memandangkan kemelesetan ekonomi negara dan ekoran kelambatan Jabatan-jabatan yang berkenaan.

Sebagai contoh, Hospital Daerah di Bukit Garam iaitu di pusat pentadbiran bagi daerah Kinabatangan terpaksa ditangguhkan pembinaannya walaupun pada masa ini hanya terdapat sebuah klinik ataupun dispensari yang mempunyai hanya 3 orang kakitangan dan seorang boatman untuk kawasan ini yang mempunyai satu Hospital Daerah yang terdekat iaitu 50 batu dari kawasan itu iaitu di bandar Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun rancangan pembinaan ini telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga tetapi saya berpendapat bahawa oleh kerana berlakunya bukan sahaja daripada Kementerian Kesihatan ataupun Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, tetapi lain-lain Jabatan Persekutuan yang berkait dengan penyaluran peruntukan tadi adanya berlaku kelambatan dari segi pentadbiran dan sebagainya, maka itulah sebabnya beberapa projek besar yang telah diharapkan oleh rakyat Malaysia di Sabah terpaksa digantung, terpaksa ditangguhkan walaupun rancangannya telah dibuat dan peruntukannya telah diluluskan sebelum Anggaran Belanjawan 1983 ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat bahawa dalam Belanjawan 1983 peruntukan sebanyak \$461 juta telah diberikan untuk program-program perhubungan iaitu termasuk \$438 juta untuk penambahan talian telefon dan kemudahan-kemudahan telex. Saya telah menyatakan bahawa kita boleh meluluskan permintaan Kerajaan lebih banyak daripada peruntukan untuk maksud pelaksanaan program-program perhubungan, tetapi yang menarik perhatian saya ialah talian-talian telefon yang ada di negeri Sabah sekarang ini haruslah diperbaiki dari masa ke semasa, kerana pada masa kebelakangan ini kerap berlaku kerosakan di stesen talian telefon yang menyebabkan panggilan-panggilan telefon di antara negeri Sabah dan luar negeri, untuk lebih tepat lagi di antara Sandakan dengan luar negeri terpaksa putus disebabkan oleh kerosakan-kerosakan ini dan untuk membuat panggilan dari satu

tempat ke satu tempat yang lain dalam negeri Sabah juga selalu terganggu hinggakan kita mendapati bahawa adalah lebih sukar membuat panggilan telefon daripada Sandakan ke Bukit Garam, Kinabatangan jika dibandingkan dengan kemudahan-kemudahan panggilan telefon daripada Sandakan ke London, New York dan Tokyo. Pembaikan hubungan telefon ini sangatlah perlu kerana peniaga-peniaga kita perlu diperhebatkan hubungan dagangan dengan negara-negara asing untuk menarik lebih banyak pelabur-pelabur asing menyertai lapangan pertanian dan perindustrian yang kian meningkat di Sabah pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendapati bahawa di waktu kebelakangan ini kerap benar kita mendapati perajurit-perajurit kita terkorban dalam nahas-nahas kapal terbang Tentera Udara Di Raja Malaysia, TUDM yang menyebabkan kehilangan jiwa perajurit-perajurit kita dan kemusnahan kapal terbang-kapal terbang TUDM. Kejadian-kejadian seperti ini tentulah telah menimbulkan sedikit-sebanyak kegelisahan di kalangan rakyat kita. Saya memanglah sedar bahawa kemalangan-kemalangan ini berlaku kerana beberapa sebab. Antara sebab-sebab lain ialah keadaan cuaca dan kerosakan enjin. Oleh itu, sukalah saya mencadangkan supaya semua peralatan angkatan tentera kita mesti diawasi setiap masa untuk mengelakkan kemalangan-kemalangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada cadangan ini sukalah saya pula menyatakan pandangan saya mengenai dasar 'Pandang ke Timur'. Saya memang menyokong sepenuhnya dasar ini kerana ini bertujuan untuk mendidik ataupun melatih warganegara Malaysia yang setia kepada negara ini untuk mendisiplinkan diri masing-masing dalam semua bidang tugas harian. Walau bagaimanapun, Kerajaan haruslah berhati-hati dan seterusnya mengambil langkah-langkah untuk meminta Kerajaan Jepun supaya memberi jaminan tidak mengganggu keselamatan negara-negara kecil di rantau ini seperti Malaysia.

Perkara ini saya bangkitkan kerana dalam usaha-usaha Amerika Syarikat memberikan peranan yang lebih besar kepada negeri Jepun

dalam segi pertahanan dirinya, maka teringat saya bukan sahaja kepada keganasan tentera-tentera Jepun di negara ini pada satu masa dahulu, walaupun pada masa itu saya belum lahir, tetapi cerita daripada orang tua-tua dan juga buku-buku sejarah kita, memanglah terbukti bahawa tentera Jepun mengganas di negara ini pada masa perang. Bersabit daripada ini maka teringat saya kepada satu perjanjian rahsia di antara Jepun dan Amerika Syarikat yang dibuat oleh Perdana Menteri Jepun iaitu Encik Kishi dalam tahun 1960 yang membenarkan Amerika Syarikat membawa masuk ke negeri Jepun 'tactical nuclear weapons'.

Dalam pergolakan politik dan ekonomi antarabangsa yang hebat berlaku pada masa ini, kemungkinan negeri Jepun menunjukkan pula peranannya sebagai 'economic and military giant' di rantau ini sangatlah dikuatirkan akan berlaku. Oleh itu kesempatan yang ada pada Kerajaan Persekutuan untuk mendekati diri dengan pucuk pimpinan Kerajaan Jepun melalui dasar Pandang ke Timur ini haruslah dipergunakan seluas-luasnya untuk cuba mengelakkan wujudnya kemungkinan-kemungkinan yang telah saya bayangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir pandangan saya ini sesuaiailah dengan keinsafan kita semua bahawa pembangunan ekonomi yang dicapai akan terjejas melainkan kita sendiri mampu mempertahankan negara kita daripada ancaman dari dalam dan luar negeri melalui usaha-usaha kita untuk memperkemarkan ketahanan angkatan bersenjata kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dihuraikan dalam Belanjawan Negara 1983, hasil negara dijangka akan merosot sedikit. Dalam keadaan begini tentulah banyak peruntukan-peruntukan pembangunan dan pengurusan terpaksa diselaraskan ataupun dikurangkan. Bagi negeri Sabah potongan peruntukan pembangunan-pembangunan projek yang telah saya sebutkan awal tadi sangatlah merunsingkan kita kerana peruntukan-peruntukan projek sosial dan ekonomi yang telah dirancang dan diluluskan oleh Kerajaan Pusat terpaksa

ditangguhkan walaupun pelaksanaan projek-projek pembangunan itu sangat diperlukan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan beginilah maka saya atas nama rakyat Malaysia di Sabah merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya kadar bayaran royalti di atas hasil minyak yang dibayar kepada Kerajaan Negeri Sabah sebanyak 5% sekarang ini hendaklah dinaikkan kepada sekurang-kurangnya 10% bagi menambahkan hasil negeri Sabah untuk kegunaan pembangunan projek-projek di negeri itu.

Saya sedar bahawa Belanjawan ini telah disusun dan dikaji berlandaskan penuh semangat dan perasaan timbang rasa kepada semua pihak yang berkenaan. Dengan keyakinan dan kesedaran inilah maka saya melafazkan sokongan penuh saya kepada Rang Undang-undang Belanjawan Negara 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan Malaysia di Dewan yang mulia ini bagi pihak Kerajaan Persekutuan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

5.22 ptg.

Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Belanjawan bagi tahun 1983 yang mana pihak Kerajaan mengesyorkan perbelanjaan sebanyak \$28,749 juta.

Sebagai ucapan pertama saya sebagai wakil yang telah dipilih di Dewan yang mulia ini saya ingin menyatakan bahawa saya amat sedar akan peranan dan tanggungjawab saya sebagaimana yang telah diamanahkan oleh rakyat khasnya pengundi-pengundi saya dalam Dewan ini guna untuk mencari penyelesaian terhadap masalah rakyat. Bagaimanapun saya lebih menitikberatkan tanggungjawab saya dalam usaha dan ikrar saya dan sedaya-upaya saya empat tahun yang akan datang dalam menyuarakan harapan dan sebarang persoalan rakyat dari masa ke semasa.

Saya juga memastikan bahawa inspirasi rakyat untuk sebuah negara yang adil dan saksama bagi menentukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, bahasa dan kebudayaan selangkah lagi kehadapan untuk kesedaran setiap rakyat Malaysia yang cintakan keadilan, keharmonian dan persamaan di bumi Malaysia ini.

Semasa membawa usul membentangkan Belanjawan 1983 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, kami dari DAP telah mendengar ratapan dan rintihan Kerajaan Barisan Nasional dengan kepayahan dan kelumpuhan keadaan ekonomi negara kita yang mana pihak Kerajaan Barisan Nasional meletakkan beban oleh celaan tersebut kepada negara-negara industri barat.

Kerajaan seolah-olah baru sedar kebenaran bahawa kesan yang bertentangan dari kemerosotan ekonomi dunia telah kita alami dari pertengahan tahun 1980 walaupun Kerajaan menyatakan bahawa kekuatan ekonomi negara kita tidak seteruk mana akibat kemerosotan ekonomi dunia. Kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab menerangkan kepada rakyat kenapa dan mengapa tiga tahun setelah mengalami kemerosotan ekonomi dunia Kerajaan menerusi ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri berkata Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengambil tindakan bagi melindungi ekonomi Malaysia daripada kesan buruk kemerosotan ekonomi antarabangsa. Apa yang kami dari DAP berasa hairan ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan meramalkan bahawa kemerosotan ekonomi negara kita akan pulih pada pertengahan tahun 1983. Kalau ini benar jelaslah ianya menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional hanya akan bertindak apabila kemerosotan ekonomi mula menurun dan tidak pada masa ianya dalam keadaan yang paling buruk. Kerajaan Barisan Nasional dengan slogan bersih, cekap dan amanah dalam pilihanraya April, 1982 kepada rakyat telah melakukan satu pembohongan yang paling amat nyata. Lima bulan sebelum pilihanraya April lalu, Kerajaan Barisan Nasional telah mementingkan Belanjawan bagi 1982 dengan kemudahan dan keindahan-keindahan untuk memancing undi dari rakyat-rakyat dan juga janji-janji keutuhan ekonomi

dalam masa kemerosotannya. Janji-janji ini kepada rakyat jelata untuk pembangunan dan kemajuan hanya sandiwara yang memainkan untuk tujuan pilihanraya sahaja. Selepas pilihanraya rakyat telah dijanjikan dengan berbagai harapan, telah menyogokkan dengan berbagai-bagai dalil bahawa ekonomi negara meleset dan segala pembangunan yang telah dijanjikan terpaksa dikurangkan ataupun langsung dibatalkan sama sekali. Rakyat hanya akan tertanya-tanya kepada wakil-wakil rakyat Barisan Nasional yang akan memberikan jawapan bahawa Kerajaan sekarang kekurangan wang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin menarik perhatian Dewan ini tentang kedudukan penduduk-penduduk Genting Estet yang dalam keadaan yang amat menyedihkan. Saya pasti Kerajaan dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri khususnya sedar bahawa pada 23hb Oktober, 1983 yang lalu pihak Polis telah menembak gas-gas pemedih mata kearah penduduk-penduduk Genting Estet yang mengadakan demonstrasi aman terhadap syarikat pemaju perumahan tersebut (Fahlm Sdn. Bhd.) Syarikat tersebut yang mana telah berulang kali melakukan tindakan-tindakan yang melampaui batas hak-hak penduduk kawasan itu. Dan berikutan dengan tindakan tersebut seramai 9 orang penduduk kawasan itu ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah. Sebagaimana yang telah diakui oleh pihak Polis sendiri bahawa penunjuk-penunjuk perasaan tersebut tidak menggunakan sebarang senjata malah mereka juga tidak berniat dan juga terbukti untuk melakukan sebarang kerosakan atau boleh membahayakan sesiapa semasa demonstrasi tersebut. Demonstrasi itu telah diadakan secara aman. Sebagai bantahan terhadap syarikat pemaju perumahan tersebut secara tidak langsung menidakkan hak-hak penduduk kawasan tersebut. Langkah itu dilakukan oleh penduduk-penduduk kawasan tersebut berikutan dengan sikap membisu oleh pihak berkuasa terutamanya pihak Kerajaan Negeri terhadap isu tersebut sedangkan Kerajaan boleh membuat sesuatu terhadapnya.

Demonstrasi pada 23hb Oktober, 1982 tidak akan berlaku jika sekiranya pihak Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat

campurtangan dalam masalah kawasan tersebut yang telah bermula antara tujuh atau lapan tahun lalu. Perbuatan pihak Polis menembak gas pemedih mata terhadap penduduk-penduduk tersebut mestilah dikutuk sekeras-kerasnya. Tidak ada justifikasi yang membolehkan pihak Polis menembak gas-gas pemedih mata terhadap penunjuk-penunjuk perasaan secara aman melainkan ianya satu rusuhan yang akan merosakkan harta-benda dan membahayakan nyawa seseorang.

Penduduk-penduduk kawasan Thean Teik Estate telah hilang kepercayaan dan keyakinan terhadap pihak polis yang mana mereka sepatutnya bersikap neutral dan menjadi orang tengah kepada kedua belah pihak dalam menghadapi masalah ini. Pihak polis sebaliknya telah bersikap membisu dan mendiamkan diri apabila pihak pemaju perumahan tersebut memusnahkan tanaman-tanaman penduduk-penduduk tersebut tanpa suratakuhan mahkamah dan juga tidak membayar sebarang ganti rugi bagi tanaman tersebut. Penduduk-penduduk kawasan tersebut bukanlah setinggian yang menduduki tanah tersebut secara haram tetapi mereka adalah penduduk-penduduk yang membayar cukai hasil tanah bagi tempat kediaman dan tanaman mereka.

Tindakan berat sebelah polis itu telah membuatkan penduduk-penduduk kawasan tersebut menganggap yang peraturan dan undang-undang tidak wujud di kawasan Thean Teik Estate. Seolah-olah pihak polis merestui tindakan-tindakan yang melampaui batas terhadap penduduk-penduduk kawasan tersebut. DAP dengan ini menggesa Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya mengadakan satu siasatan terhadap sebab mengapa pihak polis sewenang-wenangnya menembak gas pemedih mata terhadap penduduk kawasan Thean Teik Estate pada 23hb Oktober yang lalu. Penduduk-penduduk Thean Teik Estate juga ingin tahu adakah satu kelaziman pihak polis menembak gas pemedih mata ke arah penunjuk-penunjuk perasaan yang berdemonstrasi secara aman dan mengapa ini tidak dilakukan terhadap penunjuk-penunjuk perasaan UMNO, MCA dan MIC baharu-baharu ini di hadapan Hotel Merlin, Kuala Lumpur dan mengapa tidak seorang pun

ditangkap di dalam tunjuk perasaan tersebut. Penduduk-penduduk kawasan Thean Teik Estate meragui adakah suatu undang-undang khas yang membolehkan ahli dari parti pemerintah mengadakan demonstrasi tetapi lainnya pula hanya kepada demonstrasi yang diadakan oleh rakyat biasa. Penduduk-penduduk Thean Teik Estate mahukan satu jawapan yang ikhlas dan jujur dari Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin mengambil kesempatan untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini berhubung dengan masalah permohonan permit teksi di Pulau Pinang. Adalah difahamkan bahawa permohonan untuk mendapatkan permit teksi di Pulau Pinang sudah sampai ke tahap yang patut mendapat perhatian kerana beratus-ratus permohonan yang terpaksa menunggu bertahun-tahun tanpa apa-apa balasan dari pihak berkuasa sedangkan permit-permit teksi masih juga dikeluarkan setiap tahun. Keperluan permit-permit teksi ini berlanjutan dan serius apabila kenderaan-kenderaan awam yang telah sedia ada masih dalam kekurangan yang amat dikesalkan. Ianya tidak mencukupi untuk menampung perkhidmatan untuk orang ramai dan juga tidak cekap dan berkesan untuk beribu-ribu penggunaan kenderaan awam setiap hari. Adalah sesuatu yang biasa apabila penggunaan kenderaan awam terpaksa menunggu berjam-jam lamanya sebelum dapat menaiki bas yang mana selalu penuh sesak dengan penumpang.

Memandangkan keadaan sistem kenderaan awam yang amat menyedihkan di Pulau Pinang ini dan kekurangan permit teksi yang dikeluarkan kepada pemohon-pemohon di Pulau Pinang telah membawa kepada banyaknya teksi-teksi tanpa lesen yang dipandu oleh pemohon yang kecewa mendapat permit-permit tersebut. Walaupun teksi-teksi tanpa lesen ini menjalankan kegiatan mereka secara haram tetapi ianya sedikit sebanyak telah menolong dalam masalah kekurangan teksi dan meringankan ketidak selesaian sistem kenderaan awam yang ada sekarang. Mereka sedikit sebanyak telah menampung kekurangan ini yang mana orang ramai amat memerlukan. Dengan adanya perkhidmatan teksi tanpa lesen ini walaupun mendapat

bantahan dari tuannya-tuannya syarikat kenderaan awam, maka orang ramai telah memberi sambutan dan sokongan kerana perkhidmatan mereka adalah diperlukan.

Kementerian Perusahaan Awam mestilah mengambil perhatian yang kongkrit dalam soal ini dan pemohon-pemohon telah menunggu begitu lama itu diberi peluang untuk mendapatkan permit-permit teksi supaya mereka dapat menjalankan perkhidmatan mereka sebagai mata pencarian mereka. DAP mengalu-alukan kenyataan Menteri Perusahaan Awam baharu-baharu ini yang mana Kementerian Perusahaan Awam akan mengeluarkan lebih banyak permit-permit teksi.

DAP mencadangkan supaya bilangan permit-permit teksi tersebut dikeluarkan mengikut keperluan sesuatu negeri yang bukan sahaja akan memastikan pemberian yang adil tetapi ianya akan memestikan keperluan sesuatu negeri itu tercapai dan mencukupi. Permit-permit teksi juga mestilah dikeluarkan kepada pemandu teksi sendiri dan tidak kepada orang-orang yang akan menggunakan permit-permit atau teksi-teksi tersebut kepada orang lain. Keutamaan patut diberi kepada pemohon-pemohon yang telah lama memandu sama ada teksi tidak berlesen ataupun yang berlesen tetapi menyewa. Dengan itu, saya ingin menamatkan ucapan saya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Lambir.

5.38 ptg.

Dr. George Chan Hong Nam (Lambir): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan Belanjawan 1983 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 22hb Oktober, 1982. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Pegawai-pegawainya kerana telah berjaya menyediakan suatu laporan ekonomi yang lengkap dan mengemukakan suatu Belanjawan "anti-recession" bagi tahun 1983.

Tuan Yang di-Pertua, pada kese-luruhannya, saya menyokong dasar-dasar dan strategi-strategi Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan beliau. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi pandangan dan komen-komen saya mengenai beberapa aspek Belanjawan tersebut.

Saya memperhatikan bahawa salah satu "imaginative and courageous points" dalam Belanjawan 1983 ialah dasar menggalakkan pertumbuhan industri perumahan dengan lebih dianamik, khususnya di sektor swasta. Saya bergembira memahamkan bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri sudahpun bersetuju untuk "liberalize dan mempercepatkan penukaran syarat penggunaan tanah dan membantu sepenuhnya untuk meningkatkan usaha mereka sendiri dan usaha swasta untuk membina lebih banyak lagi rumah kos rendah dan kos sederhana di seluruh negara. Saya mengalu-alukan dan menyokong dengan penuhnya atas dasar tersebut. Tetapi (ada satu tetapi besar) saya bimbang bahawa apa yang akan menjadi batu penghalang untuk mencapai matlamat tersebut ialah "red-tape" sama ada "bureaucratic red-tape" atau yang lain. Saya ulang—"red-tape". Biasanya, sesuatu permohonan untuk menukar syarat tanah atau "land conversion" untuk pembangunan perumahan akan mengambil masa di antara satu hingga tiga tahun untuk mendapat kebenaran. Jika kelambatan begini kekal wujud dan berterusan, ia tidak sahaja akan "dampen private development initiatives" tetapi juga akan mengenakan harga rumah dinaikkan. Jadi, adalah penting untuk menghapuskan semua "red-tape" berhubung dengan penukaran dan kelonggaran syarat-syarat tanah dan kebenaran pelan-pelan bangunan untuk perumahan. Apabila sesuatu projek perumahan Kerajaan sudah siap, rumah-rumah itu harus dibahagikan kepada pemohon-pemohon yang berjaya dengan secepat mungkin. Kelambatan tetap akan merugikan pihak Kerajaan dan juga pihak rakyat.

Berhubung dengan perkara red-tape, saya ingin menyentuh tentang prosedur-prosedur dan peraturan-peraturan tawaran (tender

procedures and regulations) atas kerja-kerja kontrak yang terlalu keras dan cumbersome yang mengakibatkan kelambatan dalam pelaksanaan projek dan kerugian wang Kerajaan. Misalnya kes pembinaan Lapanganterbang Kuching. Oleh kerana terlalu keras mematuhi prosedur-prosedur tawaran ataupun tender, permintaan kontraktor untuk inflationary cost adjustment atas kontraknya tidak dipertimbangkan walaupun dia sedang tengah menjalankan kerja pembinaan itu dan sebaliknya kontraknya dibatalkan oleh pihak yang berkenaan. Akibatnya pihak yang berkenaan terpaksa memanggil tender baru untuk menyiapkan kerja-kerja pembinaan itu. Ini tidak sahaja mengakibatkan kelambatan tetapi juga kerugian lebih \$10 juta. Kerajaan sepatutnya tidak akan mengalami kerugian lebih \$10 juta jikalau pihak yang berkenaan telah menimbang dengan telitinya dan bersetuju dengan permintaan atas inflationary cost adjustment atau variation kontraktor itu. Saya ingin mencadang bahawa prosedur-prosedur tender dan peraturan harus dikaji semula dan Kementerian-kementerian dan Kabinet harus menggunakan lebih kuasa budibicara mereka dan Kabinet harus menggunakan lebih kuasa budicara mereka dan tidak semata-matanya terikat kepada prosedur-prosedur dan red-tape.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pembahagian peruntukan kepada berbagai-bagai negeri kita, saya suka mencadang bahawa pertimbangan khas harus diberi kepada negeri-negeri yang kurang maju. Sarawak adalah sebuah negeri yang boleh dikatakan kurang maju. Pada bulan Julai tahun ini, Kerajaan Persekutuan telahpun memotong sebanyak 13% ke atas peruntukan perubatan untuk Sarawak. Pemotongan peruntukan dalam pertengahan tahun tetap akan mengakibatkan kerumitan/kesukaran dalam penyusunan peruntukan perbelanjaan bagi pihak yang berkenaan kerana beberapa item telahpun committed. Saya berharap bahawa pemotongan peruntukan perbelanjaan ataupun (Budget revision) tidak akan berlaku lagi pada pertengahan tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan bahawa keutamaan akan terus diberi bagi meninggikan lagi taraf kesihatan rakyat terutama sekali bagi golongan yang miskin. Saya berharap bahawa pertimbangan khas untuk menambah peruntukan bagi rancangan kesihatan harus diberi kepada negeri-negeri yang kurang maju seperti Sarawak. Adalah difahamkan bahawa peruntukan untuk ubat di hospital di Sarawak telah dipotong kepada paras minima dan ada beberapa jenis ubat yang mahal tetapi mustahak telah pun dipotong. Peruntukan bagi pengangkutan dan perumahan juga dipotong. Adalah penting ditunjukkan bahawa negeri Sarawak adalah sehampir seluas dengan Semenanjung Malaysia di mana ramai penduduk di luar bandar bergantung kepada travelling dispensary dan perkhidmatan Doktor Udara untuk mendapat rawatan perubatan. Hanya kira-kira 40% penduduk-penduduk di Sarawak menikmati kemudahan-kemudahan perubatan yang tetap dibandingkan dengan 85% di Semenanjung Malaysia. Yang lain terpaksa bergantung kepada perkhidmatan perubatan bergerak (mobile medical services).

Berhubung dengan program-program kesihatan, saya suka menyentuh tentang perkara doktor dan kakitangan-kakitangan perubatan yang lain di Sarawak. Pada masa ini terdapat banyak kekurangan doktor khasnya pakar-pakar dan lain-lain kakitangan perubatan terlatih. Nisbah doktor (doktor ratio) di Sarawak ialah seorang doktor kepada kira-kira 8,500 penduduk dibandingkan dengan seorang doktor kepada tiap-tiap 4,000 penduduk di Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, dan juga atas kenyataan bahawa doktor-doktor di Semenanjung Malaysia terpaksa keheratan untuk berkhidmat di Sarawak, saya ingin bercadang bahawa setiap galakan (inducement) harus diberi kepada doktor untuk terus berkhidmat dengan Kerajaan. Salah satu cara ialah untuk mengecualikan keperluan pada Pegawai Perubatan untuk lulus Bahasa Malaysia di peringkat SPM sebelum mereka boleh diasahkan dalam perkhidmatan.

Kekurangan pakar-pakar perubatan kontrek di Sarawak telah menjadi rumit oleh kerana suatu peraturan Kerajaan Persekutuan yang tidak membenarkan pembaharuan kontrek pegawai-pegawai yang telah berkhidmat sepuluh tahun atau lebih dalam negara kita. Sekatan ini telah membawa satu masalah besar kepada Sarawak. Beberapa orang pakar perubatan kontrek akan tamat sepuluh tahun perkhidmatan mereka tidak lama lagi dan Kementerian Kesihatan pun tidak dapat menghantarkan sesiapaupun untuk mengambil tempat mereka. Jika kontrek mereka tidak dapat dibaharui oleh kerana peraturan tersebut, maka Sarawak akan mengalami kekurangan pakar-pakar doktor yang kritikal. Saya suka menyesyorkan bahawa negeri-negeri yang sedang mengalami kekurangan doktor, khasnya pakar-pakar harus dikecualikan daripada peraturan tersebut.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyentuh perkara hospital dalam ucapan Belanjawan beliau. Berkaitan dengan perkara hospital, saya suka mengemukakan kes Hospital Umum Miri. Hospital Umum di Miri adalah bekas sebuah hospital Sarawak Shell Berhad yang dibina pada mulanya dalam tahun 1917. Hospital itu dikendalikan oleh Sarawak Shell Berhad hingga tahun 1960 dan kemudiannya Syarikat Shell menghadiahkan hospital yang masih wujud hari ini dan memberi perkhidmatan perubatan kepada penduduk-penduduk bukan sahaja di Miri dan Baram tetapi juga 'specialist care' kepada pesakit-pesakit dari Limbang dan Lawas di Bahagian Kelima. Kawasan-kawasan yang sedang menikmati perkhidmatan hospital Miri adalah hampir seluas dengan dua buah negeri terbesar di Semenanjung Malaysia.

Dengan adanya industri minyak dan perusahaan kayu balak serta penambahan penduduk yang besar hospital sekarang adalah tidak memadai untuk memenuhi keperluan penduduk-penduduk di situ. Hospital itu hanya mempunyai dua ratus enam katil jumlahnya untuk ward lelaki, perempuan, kanak-kanak dan ibu-ibu. Ia juga kurang alat-alat perubatan-modern. Misalnya di maternity ward terdapat sebuah incubator sahaja. Saya ingin merayu kepada pihak yang berkenaan untuk membina sebuah hospital

baru untuk Bandar Miri. Saya berharap syor saya ini dapat dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Keempat "Mid-Term Review".

Tuan Yang di-Pertua, di waktu kemelesetan ekonomi sedunia ini (world recession) saya berpendapat bahawa ini bukanlah satu masa yang sesuai untuk menggalakkan perkembangan industri pelancungan. Pemansuhan (abolition) semua cukai ke atas minyak wangi, beberapa jenis alat solek, cine-kamera, projektor, rekorder suara, radio transistor dan pen ball-point akan tetap menggalakkan impot-impot dan ini tentu akan memburukkan kedudukan imbalan pembayaran negara kita. Oleh kerana kemelesetan ekonomi, tentu tidak ramai pelancung akan dapat melawat negara kita walaupun kita memberi berbagai insentif yang menarik kepada mereka sebabnya adalah jelas. Dengan izin: They do not have the money to come.

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong cadangan untuk menaikkan duti impot dan duti eksais minuman keras dan tembakau. Sebagai seorang doktor saya berpendapat bahawa ini adalah satu langkah yang baik juga dari segi kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah harus diambil untuk mengekalkan sumber-sumber kita (conserve our resources). Projek-projek "prestigious" yang tidak akan mendatangkan faedah ekonomi harus diketepikan. Perbelanjaan atas perayaan-perayaan rasmi, lawatan dan lain-lain fungsi haruslah dikurangkan. Adalah juga perlu untuk mengkaji semula subsidi-subsidi kerajaan. Mengikut angka tahun 1980, sebanyak satu setengah juta billion ringgit dari tabung kerajaan digunakan untuk "subsidising economic production" atau "cost of living". Ini merupakan \$8 daripada tiap-tiap \$100 dibelanjakan dari "public funds".

Pada masa ini, oleh kerana keperluan Bahasa Malaysia itu, beberapa orang doktor dan kakitangan perubatan yang lain tidak dapat disahkan dalam perkhidmatan mereka walaupun mereka telah lulus peperiksaan Kerajaan Negeri. Keadaan begini telah meruntuhkan morale mereka dan mungkin mereka akan dipaksa meletak jawatan dan

jika ini berlaku masalah kekurangan doktor akan lebih merumitkan. Saya rasa bahawa syarat-syarat yang memerlukan mereka mendapat kelulusan Bahasa Malaysia di peringkat MCE adalah tidak saksama oleh kerana mereka tidak pernah belajar Bahasa Malaysia semasa mereka di bangku sekolah ataupun di universiti. Ada juga di antara mereka yang telah lanjut usia (getting on in years) dan oleh kerana beban kerja mereka terlalu berat, mereka tidak mempunyai masa untuk belajar. Syarat tersebut saya rasa harus dikenakan ke atas rekrut-rekrut baru pada masa akan datang dan tidak patutnya dikenakan ke atas doktor-doktor dan lain-lain kakitangan perubatan di Sarawak yang sedang berkhidmat. Oleh kerana amaun subsidi terlibat ialah begitu besar, sebuah unit harus ditubuhkan untuk mengkaji dan menilaikan semua subsidi untuk mencegah penyalahgunaannya dan menentukan bahawa subsidi-subsidi kerajaan tidak akan hanya menjadi "handouts" atau samapi ke tangan mereka yang tidak layak menerimanya.

Peranan berbagai-bagai badan-badan berkanun dalam negara kita harus juga dikaji semula. Badan-badan yang didapati tidak cekap ataupun peranan mereka adalah "duplicating" dengan peranan lain-lain agensi kerajaan harus distruktur semula ataupun dihapuskan. Dalam istilah ekonomi "duplication of roles is wasteful of resources".

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ekonomi negara kita pada tahun akan datang tidak begitu cerah, kita tidak seharusnya terlalu bergantung kepada pinjaman luar seperti dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Apa yang kita pinjam hari ini mesti juga dibayar balik pada masa akan datang. Kita tidak ingin mengadakan suatu ekonomi yang penuh dengan hutang luar (a debt-ridden economy). Jadi saya tetap bersetuju dengan langkah-langkah yang digariskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menjaga ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin memberikan sokongan yang penuh kepada Rang Undang-undang Perbekalan, 1983 dan

Belanjawan, 1983 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

5.57 ptg.

Dato' Haji Jamaluddin bin Haji Suhaimi (Sabak Bernam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Belanjawan 1983. Tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan yang telah dapat mengemukakan Belanjawan yang lumayan walaupun dalam keadaan kemelesetan ekonomi dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dijadikan Tuhan satu negara yang kaya, buminya mengandungi minyak, bijih timah dan lain-lain. Muka buminya ada hutan yang berharga, tanahnya subur, banyak sungai-sungai yang berfaedah, pemandangan semula jadi yang cantik seperti berbukit bukau, gunung ganang, lurah dan pantai yang menarik kepada para pelancung. Semua ini adalah punca hasil kekayaan negara kita. Kita boleh berdikari seperti Jepun malahan jika diusahakan dengan bersungguh-sungguh dengan perancangan yang tepat mungkin lebih makmur dari Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai rakyat yang rajin, rakyat yang mempunyai otak yang cergas, cerdik dan cerdas. Tiada sebab mengapa kita tidak dapat membangun dan memajukan negara kita setanding dengan negara-negara maju. Pokok utama bagi pembangunan negara ialah perasaan cintakan tanahair, taat setia, sanggup berkorban apa sahaja untuk kepentingan negara. Jepun boleh membangunkan negaranya dengan cepat dan mengagumkan adalah didorong oleh perasaan cinta dan megah pada tanahairnya. Mereka megah di atas kebolehan mereka sendiri. Sempena memandang ke timur memang patut kita mengambil contoh dari Jepun, umpamanya kita mestilah berikhtiar mencukupkan bekalan makanan dalam negeri seperti beras dan lain-lain bahan makanan. Sehingga sekarang kita masih perlu mengimport beras beratus-ratus ribu tan setahun. Ini kita mesti atasi segera, kita mesti berdikari dalam bekalan makanan.

Masa Jepun memerintah dahulu kita tiada cukup bekalan makanan, oleh itu rakyat telah tidak dapat makan nasi, perkara ini harus jangan berulang. Negara kita subur, sepatutnya kita mesti dapat menjual beras keluar negeri. Sekalipun kita faham bahawa perusahaan bersawah padi adalah tidak ekonomik, tetapi bekalan makanan yang cukup bagi sesuatu negara adalah perlu dan mustahak, bukan untuk untung, tetapi ialah untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat sepanjang zaman, begitulah juga makanan-makanan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita patut beransur-ansur berdikari dari barang-barang keperluan hidup kita sehari-hari. Saya mencadangkan supaya Kerajaan menyekat secara beransur-ansur kemasukan barang-barang keperluan yang sudah ada dibuat dalam negara kita ini seperti pakaian, perabot rumah, alat-alat elektronik dan lain-lain. Walaupun mungkin mutunya masih rendah, tetapi rakyat hendaklah digalakkan menggunakan barang-barang yang dibuat dalam negaranya sendiri dan mereka mestilah berasa megah dengannya, dengan itu maka boleh menolong menguatkan dan memajukan perusahaan dan perindustrian dalam negeri dan juga dapat menjimatkan tukaran wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kerjasama ASEAN, khasnya dalam bidang ekonomi patutlah diadakan usahasama dalam bidang industri berat seperti membuat kapal, kilang-kilang motokar, pembuatan jentera-jentera dan lain-lain. Hasil semua ini boleh dijual di luar negeri-negeri ASEAN atau sekurang-kurangnya dipasarkan di negeri-negeri ASEAN sendiri. Jika kita tidak bermula, maka tidak akan dicapai hasilnya.

Saya berpendapat ASEAN perlu berdikari dalam keperluan asas yang penting, tidak mustahil ASEAN boleh mendirikan kilang senjata ringan dan senjata sederhana. Walaupun ada banyak halangan yang dilalui termasuk keikhlasan tiap-tiap negara-negara anggota tetapi perlulah disedari bahawa kemampuan ASEAN menghadapi sesuatu masalah baik di bidang politik mahupun di bidang ekonomi dan sosial, adalah maruah kita dan tanda ketahanan nasional negara-negara ahli.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan yang telah terus memberi peruntukan yang besar kepada keselamatan dan pertahanan dalam Belanjawan 1983. Semua orang faham pentingnya pertahanan dan keselamatan ini, hanya pihak Pembangkang DAP memandang tidak penting atau tidak perlu, mungkin ada tujuan-tujuan tertentu. Sebenarnya, kita tidak mempunyai tentera yang besar jika dibandingkan dengan negara-negara di sekeliling kita. Bagaimanapun, saya mengharapkan pada Kerajaan supaya dapat membekalkan tentera-tentera kita dengan senjata-senjata yang paling moden dan dikendalikan oleh anggota-anggota yang cekap. Oleh itu, meningkatkan latihan kecekapan, terutama kepada mereka yang mengendalikan alat-alat moden hendaklah sentiasa dipertingkatkan. Oleh kerana dasar kita Memandang ke Timur, maka wajarlah jika kita menghantar pelatih-pelatih tentera ke negeri Jepun. Kita maklum bahawa Jepun mempunyai sejarah ketenteraan yang gemilang.

Tuan Yang di-Pertua, di beberapa buah negara tentera adalah juga diikutsertakan dalam pembangunan, jika sesuai ini patut juga kita contohi. Dalam masa aman mungkin banyak masa lapang bagi anggota-anggota tentera, walaupun latihan-latihan sentiasa berterusan, tetapi berfaedah kepada negara, jika anggota tentera yang ramai itu diberi tugas membuat jalan raya, jambatan, parit, sawah padi, tanam bunga, menanam pokok, menanam semula hutan dan lain-lain, sekurang-kurangnya di mana mereka berada. Pada masa ini sebenarnya ada kerja-kerja itu dijalankan oleh tentera kita, tetapi sekadar sukarela dan bergotong-royong untuk muhibbah dengan rakyat di mana mereka bertugas. Yang saya maksudkan ialah supaya menjadi tugas-tugas perlu kerana menyertakan mereka dalam pembangunan selain menguntungkan negara, maka akan mendapat lebih kasih sayang dari rakyat jelata, yang memang sangat kita kehendaki dalam pertahanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh bahawa peruntukan untuk pelajaran tetap tinggi. Kerajaan sedar bahawa pelajaran penting bagi negara kita yang sedang

membangun dan berhasrat supaya dapat mencapai tujuan menjadi negara maju. Apa yang perlu ialah Kementerian Pelajaran hendaklah memastikan bahawa kurikulum sekolah mahulah dapat mengeluarkan belia-belia yang betul-betul cintakan bangsa, tanahair, agama dan sanggup berkorban kerananya.

Sesudah lebih 20 tahun dasar pelajaran dilaksanakan, matlamat tersebut masih belum tercapai sepenuhnya, malah boleh dikatakan semakin longgar.

Sempena Memandang ke Timur, saya sukalah menyatakan bahawa kemajuan Jepun yang mengkagumkan itu adalah berpunca dari pendidikan di sekolah. Kita boleh mencorakkan keadaan negara kita ini dalam tempoh 10-15 tahun dengan apa yang kita mahu melalui pendidikan di sekolah. Oleh itu, pakar-pakar pendidikan hendaklah berhati-hati dan memahami hasrat dan cita-cita negara kita, hanya memahami seluk-beluk teknik pendidikan sahaja sangatlah tidak mencukupi.

Mengenai sistem 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira, saya dukacita bahasa Inggeris mulai diajar dari darjah satu. Ini sudah tentu, Tuan Yang di-Pertua, akan menjadi beban yang maha berat bagi kanak-kanak dan inilah juga yang akan mengendalakan kemajuan dan kejayaan 3M.

Hasil pembelajaran yang ada sekarang adalah menjadi bukti. Lagipun mengapa bahasa kedua diajar bersamaan mula dengan bahasa sendiri iaitu Bahasa Malaysia. Adakah dianggap bahasa itu sama taraf? Semolek-moleknya diajarlah bahasa kedua itu iaitu bahasa Inggeris pada peringkat darjah tiga ke atas. Barangkali Kementerian Pelajaran fikir supaya murid-murid mahir bahasa Inggeris, tetapi bukan ini cara mahu mahir bahasa kedua. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin kita termasuk Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman sekolah Melayu dahulu baru masuk sekolah Inggeris, begitu juga Allahyarham Tun Abdul Razak dan yang lain-lain tetapi mereka boleh cakup Inggeris lebih daripada orang Inggeris sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu sebab kelemahan murid-murid membaca dan menulis pada masa yang lepas ialah kerana tidak sesuainya jalan mengajar bahasa diajar di sekolah-sekolah rendah, termasuk guru-guru sendiri banyak yang kurang memahami. Oleh itu pengajaran membaca dan menulis dalam sistem 3M sekarang ini hendaklah disesuaikan dengan pengajaran bahasa kita, jangan belanja sahaja besar dan pada lahirnya bilik darjah cantik tetapi murid-murid tidak juga pandai membaca.

Mengenai nama-nama sekolah saya berharap diseragamkan dan diawasi perlaksanaannya supaya rakyat tidak keliru. Sekarang ini walaupun perkara ini kecil mendatangkan implikasi yang agak besar kepada ibu bapa. Kalau sekolah menengah saya cadang disebut umpamanya "Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besar" dan kalau sekolah sudah ada nama hendaklah disebut "Sekolah Menengah Aminuddin Baki, Kuala Lumpur" dan bagi sekolah rendah pula, baik yang dahulu sekolah Inggeris atau yang memang sekolah kebangsaan hendaklah disebut "Sekolah Rendah Kebangsaan Parit Baru" umpamanya dan kalau sudah bernama hendaklah disebut "Sekolah Rendah Khir Johari, Sabah Bernam". Ini ialah dengan tujuan supaya dapat dikenal sebuah sekolah itu sekolah menengah atau sekolah rendah. Keadaan sekarang ialah perkataan "menengah" atau "rendah" itu tidak ada, contohnya "Sekolah Ungku Aziz, Sabak Bernam", "Sekolah Khir Johari, Sabak Bernam". Sekolah Ungku Aziz ialah sekolah menengah, Sekolah Khir Johari ialah sekolah rendah, tanpa penjelasan ibu bapa atau mereka yang berjauhan tidak akan dapat mengenal antara dua jenis sekolah ini. Selain daripada itu nampaknya Pejabat Pelajaran menulis dalam surat-surat, kalau sekolah rendah kebangsaan disebut "sekolah kebangsaan" dan kalau sekolah rendah itu dahulu sekolah Inggeris disebut "sekolah rendah Kebangsaan". Apa sebab dibezakan? Saya berharap semua sekolah rendah disebut "sekolah rendah kebangsaan", tak kira yang berasal dari sekolah Inggeris ataupun yang berasal dari sekolah kebangsaan dan saya tidak

menyentuh Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan Bahasa Kebangsaan belum sampai ke matlamat yang dituju. Ejaan murid-murid sekolah belum memuaskan, dengan adanya ejaan baru mungkin masih banyak yang boleh mengelirukan, baik kepada guru ataupun kepada murid. Ahli-ahli cerdik pandai kita mungkin masih banyak yang belum mahir berbahasa Kebangsaan, ini dibuktikan mereka masih gemar berbahasa Inggeris bila bermesyuarat atau bercakap sesama sendiri. Papan-papan tanda oleh pihak swasta belum memuaskan mengenai istilah dan ejaannya, oleh itu pihak Kerajaan Tempatan, Majlis-majlis Daerah, Majlis-majlis Bandaran patut mengambil berat hal ini tanpa mendapat arahan. Pihak MARDI sendiri mengeluarkan penyatannya dalam Dewan ini dalam bahasa Inggeris, banyak bukan Melayu masih tidak dapat menggunakan Bahasa Malaysia dengan agak betul. Kita menyedari bahawa bahasa itu adalah hidup dan tidak mati dan bersedia menerima perubahan dari satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya pelajaran Bahasa Malaysia ini diadakan di TV Malaysia bermula dari peringkat rendah sehingga setinggi-tingginya dengan tidak ada habis-habisnya dan tidak berhenti-henti. Rancangan itu hendaklah dikelolakan oleh ahli-ahli sarjana bahasa kita. Dengan cara ini akan dapat menolong rakyat kita terutama yang tidak dapat menduduki bangku sekolah untuk sambil duduk berihat sambil belajar dan mendalami bahasa kita seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Bahasa ini juga patutlah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengetatkan sedikit peperiksaan bahasa untuk lulus mendapat kerakyatan, biarlah bahasa yang betul dan berpatutan termasuk bahasa-bahasa yang berbudi bahasa, bercakap antara seorang dengan seorang berbahasa dengan bahasa yang santun, Kelas Perpaduan Rakyat ada disediakan oleh Jabatan Perpaduan Negara. Oleh itu bagi mereka yang berhajat hendak belajar Bahasa Malaysia bolehlah pergi ke kelas yang tersebut. Sepatutnya kelas-kelas perpaduan ini disambut sepenuhnya oleh

rakyat Malaysia, terutama bagi mereka yang hendak belajar bahasa, malangnya banyak kelas-kelas ini kosong dan tidak memuaskan kehadirannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan oleh kerana Kerajaan telah memansuhkan duti eksport kelapa, adalah diharapkan langkah ini harga kelapa akan naik. Seperti semua maklum bahawa harga kelapa sangat rendah pada masa ini, dengan sebab itu kehidupan pekebun kelapa sangatlah menderita. Saya tidak berhajat hendak merayu apa-apa mengenai harga kelapa di Dewan ini oleh kerana harga kelapa memang tidak boleh hendak ditolong dan tidak boleh hendak dibela lagi, hanya Tuhan yang akan menolong mungkin, satu masa akan naik seperti juga yang sudah-sudah, ada kalanya harganya turun dan ada kalanya harganya naik. Manusia hanya pandai merancang tetapi keputusan di tangan Tuhan. Tetapi jika Kerajaan berpendapat kelapa ini tidak akan berguna lagi maka obor atau suluh hendaklah diberi kepada petani-petani yang sedang kegelapan untuk menempuh hidup mereka masa depan. Sebagai selingan petani menanam koko dan sekarang nampaknya koko menjadi tanaman utama dan kelapa pula menjadi tanaman selingan tetapi musykil sedikit kerana harga koko Malaysia rendah di pasaran dunia jika dibandingkan dengan koko-koko negara lain. Apakah koko Malaysia menerima nasib macam tebu-gula ditanam di sini dibuat gula, gulanya tak manis dan rupanya tak cantik atau adakah sebab-sebab lain. Saya berharap Kerajaan akan menghantar, kalau belum, pakar-pakar dari negara kita ini pergi berkursus atau menyasiat atau mengkaji perusahaan koko di Ghana, di Ivory Coast, Brazil dan lain-lain negara yang mengeluarkan koko yang terbaik untuk mencari sebab-sebab koko kita rendah mutu dan kurang laku di pasaran dunia. Jika kerana tidak tanahnya takkanlah kebolehan kita mengenai koko ini tidak boleh menyamai kebolehan Ghana atau umpamanya negeri-negeri pengeluar koko yang baik di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang patut diketahui oleh pihak Kerajaan bahawa tanah yang sudah ditanam koko tiada boleh lagi dan tidak boleh hidup ditanam lain-lain

tanaman selingan, bukan seperti tanaman kelapa boleh ditanam di bawah pokok kelapa itu pisang, ubi keladi, sayuran dan lain-lain. Dengan itu bermakna tanah petani yang telah ditanam koko tidak lagi boleh ditanam hasil selingan atau hasil sampingan. Oleh kerana itu Kerajaan hendaklah bersungguh-sungguh bagi menjamin bahawa koko adalah sentiasa laku dengan harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan oleh kerana Kementerian Kesihatan akan terus membina Hospital Daerah di Sabak Bernam seperti yang dilafazkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan semasa menyampaikan Belanjawan 1983 yang lalu. Dengan terbinanya sebuah hospital di daerah ini maka kesihatan rakyat daerah ini akan dapat dipertingkatkan dan akan mendapat pengawasan sepenuhnya. Sekian lama mereka seolah-oleh diabaikan dari segi kesihatan, tidaklah dinafikan perkhidmatan kesihatan memang ada ala kadar, ada disediakan pusat-pusat kesihatan dan juga klinik-klinik desa. Saya mohon supaya pembinaannya dapat disegerakan, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya berharap supaya negara kita ini dapat membangun dengan pesat dan dengan lebih segera setanding dengan negara-negara maju. Rakyat berharap kepada ahli-ahli professional, jurutera-jurutera, ahli-ahli sains, doktor-doktor kita dan lain-lain dapat mencungkil teknologi-teknologi baru yang sesuai dan yang termampu oleh Malaysia. Kemajuan dan pembangunan sesuatu negara bergantung kepada cerdik pandai khasnya di bidang kepakaran, iktisas dan profesional. Memang sudah sepatutnya ahli-ahli bidang ini diberi perhatian dan sanjungan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya kalau gaji dan pangkat mestilah lebih dari bidang-bidang pegawai-pegawai yang lain. Tanpa jurutera dan arkitek umpamanya kita tidak nampak Kuala Lumpur seperti sekarang; tanpa doktor masing-masing tentulah kelam-kabut mencari bomoh; tanpa jurukira wang akan lesap entah ke mana dan lain-lain.

Akhirnya saya menyokong Belanjawan tahun 1983 ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Beruas.

6.21 ptg.

Dato' Michael Chen Wing Sum (Beruas): Tuan Yang di-Pertua, tidak seperti Belanjawan tahun-tahun lepas yang telah dikemukakan dalam Dewan ini, Belanjawan tahun 1983 adalah suatu Belanjawan yang agak kompleks. Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan ketika membentangkan, Belanjawan ini pada 22hb Oktober telah mensifatkannya seumpama "mengukur baju di badan sendiri".

Pada hakikatnya mungkin lebih tepat lagi jika Belanjawan ini diangapkan sebagai "Belanjawan Mini Skirt", sebab tiap-tiap perbelanjaan telah ditapis sebanyak-banyak yang boleh. Memang sesungguhnya kemelesetan ekonomi dunia yang berlanjutan telah mengakibatkan kemerosotan eksport kita bagi tahun 1982 dari kedua-dua aspek jumlah eksport dan harga. Perangkaan-perangkaan menunjukkan bahawa dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1982:

- (a) Harga-harga getah telah merosot ke purata 203.5 sen sekilo untuk RSSI iaitu 25.9% lebih rendah daripada harga untuk jangka masa yang sama dalam tahun 1981.
- (b) Harga-harga minyak kelapa sawit telah merosot sebanyak 21.5% ke purata \$976 setan.
- (c) Harga-harga bijih timah dan kayu-kayuan juga telah merosot.
- (d) Harga-harga minyak mentah untuk tujuh bulan pertama tahun 1982 ialah lebih kurang US\$36.47 setan iaitu 9.3% lebih rendah daripada harga purata untuk jangka masa tujuh bulan pertama tahun 1981.

Pada keseluruhannya, harga-harga semua jenis barangan eksport telah merosot. Hasil Kerajaan telah banyak merosot dan pendapatan rakyat biasa juga telah terjejas terutamanya peladang-peladang dan petani-petani kecil. Strategi yang telah digunakan

untuk Belanjawan tahun 1983 pada keseluruhannya adalah pragmatis dan patut dipuji oleh semua.

Untuk mengatasi kesulitan yang disebutkan tadi, kita harus bersikap positif, bukan negatif. Kita harus mengukuh dan mempertegapkan asas kewangan Kerajaan Persekutuan. Kita harus memperbaiki keadaan imbangan pembayaran yang kini kurang sihat. Kita juga harus mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang memuaskan dalam keadaan harga yang stabil.

Kenaikan kadar cukai jualan

Kenaikan kadar cukai jualan dari 5% kepada 10% adalah kurang popular. Saya yakin Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sendiri pasti sedar tentang hal ini. Kenaikan ini akan mengakibatkan inflasi dan akan membebankan rakyat, tidak kira kaya atau miskin. Pokok soalnya, dalam keadaan sebegini, ketika mengatasi kemerosotan ekonomi ialah adakah beban tanggungjawab ini dipikul sama berat oleh tiap-tiap rakyat? Kalau ya, kenaikan ini adalah berpatutan.

Keselamatan dan pertahanan

Satu soalan lagi ialah sama ada Belanjawan ini telah memberi peruntukan terlalu besar untuk sektor keselamatan. Peruntukan sebanyak \$2,483 juta yang dicadangkan untuk sektor ini merupakan 21.3% dari jumlah perbelanjaan Pembangunan sedangkan peruntukan yang dicadangkan untuk sektor sosial hanya \$2,522 juta iaitu 21.6% dari jumlah perbelanjaan Pembangunan. Kita semua bersetuju bahawa keselamatan dan pertahanan negara adalah penting, tetapi kebajikan rakyat adalah lebih penting. Oleh kerana ancaman dari luar dan keselamatan dalam negeri adalah terkawal pada masa ini, Kerajaan harus mengkaji semua peruntukan untuk sektor keselamatan.

Masalah-masalah luar bandar

Kerajaan telah memberi tekanan berat ke atas pembangunan luar bandar dan juga ke atas kebajikan rakyat miskin. Kejujuran Kerajaan tidaklah saya ragui tetapi oleh

kerana beberapa rintangan yang tidak dapat dielakkan rakyat luar bandar masih lagi belum dapat menikmati kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan sosial yang lebih sempurna seperti kemudahan elektrik, air, telefon dan sebagainya.

(a) *Sekolah-sekolah di luar bandar*

Beberapa sekolah di kampung-kampung yang terpencil masih terbiar. Untuk membuktikan perkara ini, saya ingin memberi dua contoh di sini:

- (i) Semua bilik-bilik darjah di sebuah sekolah rendah di Bagan Panchur, Perak sentiasa dibanjiri air laut tiap-tiap kali air pasang penuh.
- (ii) Satu lagi bangunan sekolah rendah di Changkat Kering telah dihapuskan dengan rasmi oleh pihak JKR dalam beberapa ketika yang lalu tetapi bangunan tersebut masih terpaksa digunakan sebagai bilik darjah. Ini mungkin menjejaskan keselamatan murid-murid yang berada di bangunan tersebut.

(b) *Kedudukan Kewangan Majlis Daerah*

Walaupun peruntukan pelancaran dan peruntukan tahunan telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan, kebanyakan Majlis Daerah adalah miskin dan sekarang menjadi kurang berkesan. Akibatnya rakyat luar bandar tidak dapat bantuan yang sewajarnya dari Majlis-majlis Daerah tersebut.

Jalan-jalan Raya dan longkang-longkang tidak dijaga dengan memuaskan. Kemudahan-kemudahan asas tidak disediakan. Baru-baru ini apabila saya meminta Majlis Daerah Manjung, Perak membelanjakan wang untuk membersihkan longkang-longkang di Kampung Baru Beruas untuk mencegah penyakit demam denggi, saya telah diberitahu bahawa Majlis Daerah ini tidak mempunyai satu sen pun untuk keperluan ini.

(c) *Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar*

Kerajaan telah mengadakan beberapa pusat kecil kesihatan dan lain-lain kemudahan perubatan di kawasan-kawasan luar bandar. Tetapi malangnya beberapa pusat kecil kesihatan ini tidak dapat memberi perkhidmatan kepada rakyat-rakyat di luar bandar seperti yang dirancangan. Ini adalah disebabkan kekurangan doktor atau kekurangan doktor yang sanggup berkhidmat di kawasan-kawasan luar bandar. Saya berharap Kerajaan dapat memberi perhatian ke atas masalah tersebut.

Kadar faedah Bank ke atas Pinjaman

Saya rasa gembira mendengar yang kadar faedah bank tempatan ke atas pinjaman akan turun tidak lama lagi.

Walau bagaimanapun saya harap Kerajaan dapatimbang semula kadar faedah pinjaman perumahan. Pada masa ini Kerajaan telah menetapkan kadar faedah pinjaman perumahan yang kurang dari \$100,000 pada had 10% setahun. Tetapi, pinjaman yang melebihi \$100,000 akan dikenakan kadar faedah mengikut kadar pasaran yang pada masa ini telah meningkat setinggi 16% setahun.

Oleh kerana harga-harga rumah telah naik melambung-lambung dalam beberapa tahun ini, \$100,000 sekarang sudah tidak mampu membeli sebuah rumah berderet kecil di Kuala Lumpur atau Pulau Pinang. Oleh itu, saya cadangkan kadar faedah pinjaman perumahan ditetapkan oleh Kerajaan mengikut kadar berperingkat, misalnya, 10% setahun untuk \$100,000 pertama dan kenaikan sedikit ataupun kecil untuk tambahan tiap-tiap \$50,000 dan seterusnya.

Perbelanjaan Kempen Pilihanraya

Mengikut undang-undang sekarang, seorang pencalon untuk pilihanraya Parlimen dibenarkan membelanja tidak lebih dari \$20,000 dan untuk pencalon pilihanraya peringkat negeri tidak lebih dari \$15,000. Tetapi perbelanjaan-perbelanjaan atas poster-poster, sajian dan penginapan untuk pekerja-pekerja kempen, dan petrol telah

melambung naik. Peruntukan-peruntukan yang dibenarkan ini adalah tidak mencukupi. Pencalon-pencalon mungkin terpaksa tidak jujur semasa membuat kenyataan perbelanjaan kepada pihak yang berkuasa. Ini tidak selaras dengan prinsip Kerajaan yang menekankan sikap bersih, cekap dan amanah. Oleh itu, saya berharap Kerajaan dapat timbang semula perkara ini dan mengambil tindakan yang sesuai untuk menaikkan angka perbelanjaan ini ke jumlah yang lebih menasabah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Rajang.

6.36 ptg.

Tuan Justine Anak Jinggot (Ulu Rajang):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan cadangan Belanjawan yang dibentangkan di Dewan ini oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 22hb Oktober yang lalu. Saya berpendapat Belanjawan yang dibentang pada 22hb Oktober lalu tidak akan memberi popularity kepada Kerajaan atau sesiapa pun tetapi Kerajaan kita perlu mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kemerosotan ekonomi dunia supaya ekonomi negara kita dapat diteguhkan.

Saya fikir kita semua tahu bahasa kemerosotan ekonomi dunia ini bukan sahaja melibatkan negara yang sedang membangun seperti Malaysia tetapi juga negara maju seperti Amerika Syarikat.

Sikap bersih, cekap dan amanah Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga tiga strategi yang dibawa oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan bagi melawan kemerosotan ekonomi akan dapat membentuk ekonomi negara kita dan saya yakin banyak lagi pembangunan akan dapat dijalankan di kawasan luar bandar seperti Ulu Rajang. Walaupun Parti DAP telah menolak Belanjawan ini dan wakilnya dari bandar Kuching membidas Kerajaan kerana mencuaikan kawasan luar bandar tetapi Belanjawan ini adalah khas untuk membantu penduduk luar bandar bagi mengatasi kemerosotan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, adalah konsep DAP di bandar yang telah mendapat faedah dari penghidupan di bandar seperti jalan raya, supermarket, airport, bekalan elektrik dan lain-lain untuk membenteng Belanjawan ini yang memberi faedah besar dan meninggikan taraf hidup penduduk luar bandar yang belum lagi dapat menikmati apa yang dirasa oleh penduduk bandar. Untuk membina satu negara yang adil orang-orang yang kaya boleh membantu orang miskin dan sama-sama menjayakan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk bercakap tentang ucapan yang dibuat oleh ahli Parlimen DAP dari Bandar Kuching dan Sibu. Saya amat terkejut mendengar ucapan beliau itu, saya juga hairan kerana banyak isi ucapan itu adalah mengenai masalah penduduk luar bandar. Saya ingin bertanya berapa kali beliau melawat kawasan luar bandar di Sarawak untuk mengetahui lebih detail dari wakil yang datang dari luar bandar sendiri. Saya juga masih hairan bila pula DAP begitu berminat dengan kawasan luar bandar, lebih-lebih lagi tentang masalah kaum bumiputra Dayak. Yang saya tahu ahli-ahli dari Bandar Kuching dan Sibu itu menang kerusi mereka di bandar. Saya mencadangkan beliau jangan membuang masa untuk pura-pura jadi, dengan izin, Good Samaritan atau seperti kata orang, "cakap tidak serupa bikin".

Tuan Yang di-Pertua, DAP telah mencari pengaruh di kawasan luar bandar. Ini berlaku pada masa pilihanraya negeri dahulu di kawasan pilihanraya Pelagus, Sarawak. Mereka telah kalah. Ini jelas bahawa orang luar bandar tidak suka dengan konsep mereka dalam politik. Calon DAP pada masa itu ialah orang terkenal dan juga bekas Penghulu Iban. Para pengundi tidak menolak calon itu tetapi menolak konsep DAP kerana para pengundi itu tahu mereka tidak dapat apa-apa jika DAP menang kerusi itu. Saya suka memberi nasihat kepada ahli DAP dari bandar Kuching dan Sibu supaya jangan menggunakan kerusi mereka di Parlimen untuk membuat ucapan bagi mendapat simpati dari penduduk-penduduk luar bandar. Saya syorkan ahli dari bandar Kuching dan Sibu itu juga jangan menggunakan media untuk kempen mendapat simpati bagi pilihanraya negeri

akan datang di Sarawak yang saya fikir akan diadakan tidak lama lagi. Dan juga janganlah pihak DAP dari Sarawak itu menggunakan kerusi mereka untuk memecah-belah kaum-kaum bumiputra di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching dan Bandar Sibul supaya mereka buat kerja rumah bagi membesarkan kawasan Kerajaan Federal dan Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta izin untuk bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris supaya rakan-rakan saya dari Bandar Kuching dan Bandar Sibul dapat mengerti dengan jelasnya.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, the Member of Bandar Kuching has also contradicted his own words in his speech a few days ago. On the one hand, he was asking for more development for rural areas which are very backward, but, on the other hand, the Member for Bandar Kuching was asking for more development for the urban areas. Doesn't Ahli Yang Berhormat realise that the urban areas have benefited the most out of the Government development plans? May I humbly suggest that if the Government is going to develop the urban areas more than what they are enjoying now, then where is the money left for rural development?

Tuan Yang di-Pertua, I believe that Ahli-ahli Yang Berhormat for Bandar Kuching and Bandar Sibul are using the rural situation as a cover for their communal objective to get more development for their own areas and deprive the rural areas. I believe that the Members for Bandar Kuching and Bandar Sibul are expecting the Government to develop the whole of Malaysia overnight which is, of course, unrealistic. As an English saying goes, "Empty vessel makes the most noise". Tuan Yang di-Pertua, it is only an empty vessel like the DAP in Sarawak that has nothing to offer makes the loudest noise and makes wild allegations against the Government's sincere intention to build a better and progressive Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sokongan saya terhadap Belanjawan ini saya juga ingin kemukakan beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh Kerajaan secara serius

khususnya keperluan luar bandar seperti Ulu Rajang sebelum parti pembangkang pergi ke sana untuk meracuni fikiran penduduk-penduduk di sana.

Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana beri keutamaan besar kepada penduduk luar bandar dalam Belanjawan 1983. Pertama, tidak memotong Belanjawan bagi projek-projek kecil luar bandar dan yang keduanya kerana tidak dikenakan cukai bagi barang-barang perlu seperti beras dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin Kerajaan timbangkan langkah mengenai harga getah, lada hitam dan sagu kerana banyak orang-orang luar bandar terutama di Ulu Rajang bergantung kepada hasil-hasil ini untuk kehidupan mereka. Dengan adanya inflasi dan harga yang rendah mereka agak susah untuk mencari pendapatan yang baik. Saya mahu Kerajaan mengkaji soal harga petrol untuk enjin bot di Kapit kerana harga petrol itu semakin naik. Perjalanan di Ulu Rajang cuma melalui sungai dan bila harga petrol naik sudah tentu susah bagi orang ramai hendak pergi ke mana-mana.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan untuk mengkaji lebih dalam tentang Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan di Sarawak terutama di kawasan luar bandar seperti Ulu Rajang. Yang saya tahu Dasar Ekonomi Baru banyak menolong bumiputra yang ada modal dan bumiputra yang mempunyai rakan bukan bumiputra yang kaya. Bumiputra macam ini jadi lebih kaya sementara bumiputra yang miskin jadi lebih miskin. Hasil Dasar Ekonomi Baru merupakan untung peribadi dan bukan merapatkan jurang antara yang kaya dan yang miskin. Orang-orang yang patut mendapat faedah cuma melihat sahaja. Apa yang saya tidak faham bahawa di Ulu Rajang orang bukan bumiputra menjadi lebih kaya di bawah Dasar Ekonomi Baru. Misalnya banyak kontraktor besar yang bekerja di Ulu Rajang adalah bukan bumiputra dari Sibul. Ini saya percaya Ahli Yang Berhormat dari Bandar Sibul sudah faham akan keadaannya.

Kontraktor bukan bumiputra ini tidak faham tentang masalah tempatan dan ini mendatangkan banyak lagi masalah kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, orang yang mendapat untung hanya sebilangan kecil kaum bumiputra dan gang-gangnya. Saya ingin mengemukakan cadangan tentang pemberian lesen kuari, lesen balak dan lain-lain. Kenapa berikan lesen itu kepada kumpulan yang tidak perlu mendapatnya? Bagi ganti juga berikan kepada penduduk-penduduk luar bandar supaya taraf hidup mereka akan lebih baik. Memberi lesen kepada orang kaya tidak memberi makna apa-apa. Orang-orang tempatan yang ada lesen-lesen cari logam dan jika mereka tidak ada modal. Mereka pula akan diadakan joint-venture dengan syarikat bumiputra yang tulin. Adalah menjadi harapan saya dan penduduk kawasan saya supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengkaji perkara ini dengan serius. Saya percaya orang tempatan patut mendapat faedah dari hasil bumi yang terdapat di kawasan mereka itu sebelum ianya habis digali oleh orang-orang lain.

Untuk menamatkan ucapan saya, saya sekali lagi menyampaikan sokongan saya kepada Belanjawan 1983 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 22hb Oktober, 1982 yang lalu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sandakan.

6.46 ptg.

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I rise to participate in the debate on the 1983 Budget which was delivered to this august House by the Minister of Finance on 22nd October, 1982.

The Finance Minister proposed that the Government's overall Budget strategy for 1983 will be:

(a) to consolidate and strengthen the Federal Government's financial position in line with available resources;

(b) to improve and strengthen the underlying Balance of Payments situation; and

(c) to maintain a satisfactory rate of economic growth, with price stability.

Thus a sum of \$28,749 million is being appropriated for the 1983 Budget comprising \$17,079 million or 59.4% being Operating Expenditure and \$11,670 million or 40.6% being Development Expenditure.

The Finance Minister proposes to increase the 5% Sales Tax presently imposed on certain items to 10% while certain essential items continue to be exempted from the Sales Tax. The Sales Tax of 10% imposed on luxury items remains the same.

I urge the Minister to reconsider his decision to increase the Sales Tax from 5% to 10% as invariably it will be the poor who will be hard hit by such an increase as the suggested increase is bound to cause another price spiral. The rich with their wealth are not going to feel the pinch, but it is the small man who is going to bear the brunt of it all.

I do not understand why the 10% Sales Tax imposed hereto on luxury items still remains unchanged. Surely, common sense dictates that it is these luxury items that should be taxed more as the people who can afford luxury items can very well afford to pay for them.

It is proposed to increase the Service Tax from 5% to 10% and this will cover even restaurants, bars, snack-bars and coffee-houses located outside hotels and also private clubs whose annual turnover is \$500,000 and above. This increase is scheduled for implementation from 1st January, 1983. Be that as it may, I regret to say that certain hotels have already increased their Service Tax to 10% with immediate effect, including the Hotel Merlin.

I am sure the increase of 5% of Service Tax already imposed by these hotels are not going to go to the Government coffers, and one can imagine the amount of money that will be collected by these hotels from 23rd October, 1982 to 31st December, 1982. I hope the Minister will look into this matter.

A sum of \$1,166 million is allocated for education for next year. Among other things, about 423 new schools, laboratory facilities, quarters for teachers and student hostels would be constructed during the year.

The education standard in Sabah is very much lower compared to Peninsular Malaysia mainly because of shortage of qualified teachers, the communication problems and also the switch of the medium of instruction from English to Bahasa Malaysia. I hope special effort could be made to improve the standard of education in Sabah.

A matter which has created frustration among teachers in Sabah is that teachers from the Unified Teaching Service (UTS) are not absorbed into the permanent service. This is a long-standing issue and I hope the Minister of Education could in his reply inform this House of the steps taken to resolve this problem.

I wish to bring to the attention of this House that West Malaysians who received their teacher training in Sabah are posted back to Peninsular Malaysia after serving three years in Sabah, thus leaving behind teachers with very little or no experience at all. This is one of the main reasons why the standard of education is so low in Sabah.

The shortage of teachers is also a common phenomenon in Sabah and this is acutely felt when schools re-open. Sometimes it takes months before the Education Department post a teacher to a particular school, and very often teachers who are not competent in a certain subject are asked to teach that subject. The victims are finally the pupils.

Another problem is the non-availability of textbooks when school re-open and this lasts sometimes for months. I hope this problem could be given due consideration.

There is also a grave shortage of schools and classrooms in Sabah. This problem is further compounded with children of Filipino refugees and illegal Indonesian Immigrants attending schools built for our children. I am given to understand that schools even conduct special classes for these pupils. Why is the Government extra kind to children of aliens whilst our own children are denied school places?

MAS services in Sabah are in dire need of improvement. Frequent cancellations or delays of flights are not uncommon in Sabah, particularly in the Kota Kinabalu-Sandakan-Lahad Datu-Tawau route, the Kota Kinabalu-Tawau or the Sandakan-Tawau route. Passengers are stranded for hours, sometimes even for a day as a result of flight delays and cancellations causing unnecessary inconvenience and hardship. It must be remembered that travelling by air in Sabah is a necessity and not a luxury because of the poor infrastructure and the near-absence of good alternative means of transport.

MAS levies a penalty of 25% being cancellation fee should a passenger cancel his booking within 24 hours of the scheduled flight or fail to turn up for the flight. However, when MAS flights are delayed or cancelled, the passengers are not compensated, let alone provided with refreshments when they sweat it out in the departure lounge.

Another matter that is of much concern to us in Sabah is the excessively steep increase of air fares by MAS especially on the economy night flights known as "night tourist service" between Sabah and Peninsular Malaysia. Prior to December, 1981, the economy night flights cost \$176 but in December, 1981 a 10% hike in fares was imposed. Barely nine months later, in August this year, a further 37% hike in fares was imposed on the already bad-hit traveller. A hike of 47% in fares within nine months is not only daylight robbery but is an outright exploitation of a monopoly which has already served well as an excellent evenue-earner for MAS.

The economy night flights between Sabah and Peninsular Malaysia is very popular and a cursory examination of the passengers manifest will reveal that the majority of the passengers are students, ordinary wage-earners and families. How does the Government envisage a greater integration of the peoples of Sabah and Sarawak with Peninsular Malaysia when the air fares between these two States and Peninsular Malaysia are excessively.

MAS's answer to the fare hike was that this was necessary in view of the increasing costs. The question that arises is why are the people of Sabah and Sarawak made the scapegoats to bail out MAS from losses.

It is also pertinent to point out here that MAS international travellers have been spared fare increases although, in terms of capital input, these are the travellers who have exacted major investment by the Airline. I urge the Government to seriously consider reducing the air fares imposed on commuters between Sabah and Peninsular Malaysia. After all, MAS has a public duty to perform, being the national carrier.

Another point I wish to touch on is the inability in the last two years of the MAS office in Kuala Lumpur to check in passengers who are scheduled for the Kuala Lumpur-Kota Kinabalu-Sandakan flight. The reasons given are, firstly, that the passenger has ample time to check in in Kota Kinabalu and, secondly, owing to computerisation, it is not possible to check in a passenger direct to Sandakan. This is rather absurd, and I hope the situation could be rectified.

Mr Speaker, Sir, a total of

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, gunakan perkataan "Tuan Speaker" dan bukan Mr Speaker, Sir" lagi!

Tuan Fung Ket Wing: Terima kasih. A total of \$2,483 million or about 21% of the Development Expenditure has been allocated for defence and security. The influx of the Filipino refugees and the illegal Indonesian immigrants pose a serious threat to Sabah, particularly the recent discovery of a large cache of firearms and "dadah". I have been raising this problem in the House over and over again, but, unfortunately, not much has been done for the security of the country. Owing to the shortage of labour, the Government allows these refugees and illegal immigrants to come to Sabah ostensibly to help in the development of the State. These refugees and illegal immigrants have created a series of problems like the increase in serious crimes as confirmed even by the

Inspector General of Police, Tan Sri Mohd. Haniff bin Omar, during his visit to Sabah in June this year.

On the one hand, the Government claims that our national sovereignty and independence must be protected but, on the other, allows the Filipino refugees and the illegal Indonesian immigrants to enter Sabah without any control whatsoever; and the very presence of these refugees and the illegal Indonesian immigrants threaten the very security of Sabah from within.

It is very disappointing to note that the Government, because of its political objectives in wanting to balance the racial equation in the country, has chosen to ignore the security of the country for its own political ends. The Government must tackle this problem to curb the entry in droves of Filipino refugees and illegal Indonesian immigrants into Sabah in order to ensure the security and sovereignty of Sabah; otherwise, the Barisan Nasional leaders will stand condemned as disloyal in failing to subordinate party interests to national interests.

The Filipino refugees and the illegal Indonesian immigrants in the country must either be deported to their countries or be given similar treatment as was meted out to the Vietnamese refugees.

On 15th May, 1982, a group of army personnel from the 12th Malay regiment attacked the Marine Police Department in Sandakan resulting in the Marine Police opening fire, and one soldier was wounded in the shoot-out. This trouble went on and off for two or three days. The people in Sandakan were shocked and lived in fear during the period. All kinds of rumours made their rounds adding to the already tense situation.

Millions of dollars have been allocated each year to train our army and yet we still find such acts of indiscipline. This is even more shocking as the "2M" Government has been emphasising on discipline, and I urge the Government to court martial the culprits and steps must be taken to ensure that such acts of indiscipline are curbed.

Tuan Yang di-Pertua, the Minister of Finance in his Budget Speech has said that the Rural Health Programme will be further expanded with the implementation of 333 projects comprising rural health centres, rural clinics and rural water supply programmes.

The Rural Health Programme in Sabah is in a bad shape mainly because of the

communication problems and the shortage of staff, doctors and specialists, coupled with the long delay.....

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 1hb November, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.